

DEWAN MAJLIS**Khamis, 27 Jamadilakhir 1439/15 Mac 2018****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, SPMB., SNB., Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, SPMB., PSB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, SPMB., SNB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, DPMB., PJK., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman, DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, SMB., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, iaitu hari yang ketujuh Selasa, 25 Jamadilakhir 1439 bersamaan 13 Mac 2018 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad (Imam Jame' Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ segala puji dan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat keizinan-Nya, jua kita dapat lagi pada pagi ini bersama-sama berkumpul untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara yang pada hari ini telah masuk hari kesembilan. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan yang kita adakan pada pagi ini memasuki hari kesembilan. Seperti yang telah kita lakukan pada sebelah pagi kita akan cuba untuk menyelesaikan Perkara V iaitu Soalan-Soalan Yang Diberi Notis.

Sehingga hari ini, kita telah menyelesaikan 18 buah Soalan Yang Diberi Notis yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan kesemua soalan-soalan tersebut telah dijawab secara lisan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan.

Sekarang kita beredar ke soalan seterusnya.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Perkara V Soalan-Soalan Yang Telah Di Beri Notis. Soalan Jawab Mulut No. 19 daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman : Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Pertua.

dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah Subhanahu Wataala dan yang dihormati sekalian. Saya akan mengemukakan soalan iaitu masalah kesesakan jalan raya (*traffic jam*) di

kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) di Daerah Brunei Muara.

Dari sejak selesainya Rancangan Perumahan Negara (RPN) di Kampung Mentiri, Kampung Mengkubau, Kampung Tanah Jambu, Kampung Sungai Buluh dan Kampung Meragang keadaan jalan raya yang menghala ke Jalan Utama Mentiri mengalami kesesakan lalu lintas. Terutama sekali pada waktu pagi dari pukul 6.00 pagi hingga 8.00 pagi dan selepas waktu bekerja pada sebelah petang.

Ini disebabkan semua kenderaan dari kampung-kampung tersebut menggunakan jalan menuju ke pusing keliling (*roundabout*) Sungai Akar selepas melintasi pusing keliling (*roundabout*) di Kampung Mentiri. Walaupun jambatan telah siap dibina di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) di Kampung Mengkubau tetapi ianya belum lagi digunakan.

Selain itu, untuk melancarkan perjalanan, lampu isyarat (*Traffic light*) hendaklah dipasang di pusing keliling (*roundabout*) di Kampung Mentiri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bilakah jambatan yang sudah siap di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) di Kampung Mengkubau itu dapat digunakan dan dapatkah pihak kementerian berkenaan memasang lampu isyarat (*traffic light*) di pusing keliling (*roundabout*) di Kampung Mentiri?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman mengenai soalan kesesakan jalan raya (*traffic jam*) di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) di Daerah Brunei Muara.

Perancangan bagi Pembinaan Jalan Penghubung Tanah Jambu dari persimpangan di Jalan Muara ke persimpangan Jalan Utama Mentiri termasuk dalam perancangan jalan raya dan dilaksanakan secara berfasa mengikut peruntukan yang disediakan.

Fasa pertama, pembinaan jejambat persimpangan Jalan Utama Mentiri telah pun siap pembinaannya pada tahun 2014. Manakala fasa kedua Pembinaan Jalan Penghubung sejauh kira-kira 2 kilometer, telah dimasukkan dalam perancangan di bawah Rancangan Kemajuan Negara 11 termasuklah Pembinaan Laluan Khas jejambat tersebut menuju ke Rancangan Perumahan Negara (RPN) di Kampung Mengkubau. Tawaran bagi projek ini telah pun siap dan pelaksanaannya akan bermula pada pertengahan tahun ini.

Mengenai pemasangan lampu isyarat di Pusing Keliling di Kampung Mentiri. Kajian telah pun dibuat tentang keperluan dan kesesuaiannya. Jumlah

trafik pada waktu-waktu yang tertentu *pick hours* didapati sangat tinggi dan kapasiti pusing keliling berkenaan tidak mampu bagi melancarkan perjalanan tempat semua *peak hours*.

Pemasangan lampu isyarat memerlukan ukuran (saiz) pusing keliling yang besar dan kawasan yang luas. Manakala Pusing Keliling Mentiri tidak mencukupi untuk dipasang lampu isyarat berkenaan dan jika diubah suai ia akan melibatkan rumah-rumah dan tanah-tanah persendirian serta pemindahan perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Ini akan memerlukan perbelanjaan yang tinggi maka cadangan pemasangan lampu isyarat di Pusing Keliling Mentiri belum dapat diteruskan pada masa ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan siapnya rancangan projek di atas tadi isu kesesakan di Pusing Keliling Mentiri dijangka dapat diatasi. Pengguna-pengguna jalan raya diharap akan bersabar dan mematuhi segala peraturan-peraturan jalan raya dan mengamalkan sikap bertimbang rasa apabila menggunakan pusing keliling ini lebih-lebih lagi pada waktu *peak hours* dan merancang perjalanan terlebih dahulu bagi mengelakkan kesesakan jalan raya.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian terima kasih.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut No. 20 daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Oleh sebab pembawa

soalan ini tidak dapat hadir pada hari ini maka soalan itu ditangguhkan.

Oleh sebab Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tidak dapat hadir pada hari-hari berikutnya maka soalan-soalan akan dijawab dengan secara bertulis ataupun *written answers*.

Beralih kepada Soalan Mulut No. 21 daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejahtera. Saya akan menimbulkan mengenai Projek Pembesaran Jalan *Residency*. Projek Pembesaran Jalan *Residency* sedang giat dilaksanakan melalui peruntukan Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2017/2018 berjumlah \$18, 800,00.00 di bawah Jabatan Kerja Raya.

Apabila siap sepenuhnya nanti sudah tentu akan memberikan keselesaan kepada semua pengguna jalan raya tersebut. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Persoalan saya:

1. Bilakah projek ini akan siap sepenuhnya dan dapat digunakan?;
2. Adakah projek ini disertai oleh kontraktor anak-anak tempatan, jika tidak ada apa sebabnya?;

3. Adakah penempatan letak kereta bagi penduduk Kampung Air disediakan nanti?;dan

4. Adakah pemaju-pemaju atau syarikat-syarikat yang tidak berdaftar dengan nama "sendirian berhad" menyertai projek pembinaan tersebut? Kalau tidak ada apa sebabnya mereka tidak diberikan peluang?

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Naim bin Haji Khamis mengenai dengan soalan Projek Pembesaran Jalan *Residency*.

1. Izinkan kaola/saya menyentuh sedikit latar belakang mengenai Projek Pembesaran Jalan *Residency* secara keseluruhan. Perancangan Projek Pelebaran Jalan *Residency* bermula Rancangan Kemajuan Negara Ke 8 iaitu dalam sekitar tahun 2003.

Tujuan utama projek ini untuk meningkatkan kapasiti Jalan *Residency* dari 2 lorong ke 4 lorong di samping meningkatkan tahap keselamatan jalan berkenaan. Projek Pelebaran ini meliputi kawasan sepanjang 1.8 kilometer yang bermula dari kawasan persekitaran Kampung Sungai Lampai hingga ke Jambatan *Residency*. Jalan

Residency merupakan laluan terpenting yang menghubungkan kawasan Mentiri dan Kota Batu untuk menuju ke Pusat Bandar apatah lagi dengan terbinanya Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang menghubungkan Mukim Lumapas dan sekitarnya telah menambahkan lagi *significant* jalan tersebut.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan sejumlah \$73 juta untuk melaksanakan Porjek Pelebaran Jalan *Residency* melalui Rancangan Kemajuan Ke-9 / ke-10 yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Projek fasa pertama mula dilaksanakan pada tahun 2009 dengan jumlah \$24.5 juta dan siap sepenuhnya pada Mac 2013. Manakala projek fasa ke-2 berjalan pada masa ini berjumlah \$48.5 juta akan dijangka siap pada pertengahan bulan Jun 2018 ini nanti. Dengan penyiapan projek-projek ini nanti keindahan persekitaran Kampung Air dan pemandangan Bandar Seri Begawan akan bertambah cantik dan secara langsung dapat mempromosikan Bandar Seri Begawan sebagai bandar yang berdaya tahan lagi dinamik;

2. Bagi soalan ke-2 dan ke-4 nampaknya ada persamaan iaitu

mengenai penyertaan kontraktor anak-anak tempatan dan syarikat-syarikat yang tidak berdaftar "sendirian berhad". Kaola akan satukan saja jawapannya seperti berikut. Secara amnya tawaran projek-projek di bawah penyelenggaraan Kementerian Pembangunan dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan melalui Tawaran Terbuka (*open tender*).

Kontraktor yang berdaftar adalah mengikut klasifikasi dari kelas 1-6 iaitu *compliance* kepada syarat-syarat pendaftaran terdiri daripada kemampuan kewangan (*financial capability*) dan kapasiti teknikal syarikat tersebut. Klasifikasi syarikat menentukan peringkat-peringkat *value* sebut harga atau tawaran yang disertai.

Memandangkan Projek Pembesaran Jalan *Residency* projek yang berskala besar dan melibatkan skop kerja yang kompleks dan memerlukan kepakaran khas, maka tawaran dibukakan kepada pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan di bawah kelas 5 dan 6 sahaja dan dimestikan berdaftar atas nama "sendirian berhad". Penyertaan tawaran tidak mengehadkan kontraktor tempatan sama ada 100%

sepenuhnya menggunakan khidmat anak tempatan ataupun melalui usaha sama, (*joint venture*) dengan kontraktor dari luar negeri.

Kriteria penting dalam pemilihan kontraktor bagi projek ini dinilai dari segi pengalaman, kemahiran, kemampuan berbagai-bagai aspek bagi menjamin projek yang dilaksanakan dengan mengikut spesifikasi teknikal dan tidak akan menjejaskan program seperti yang dihasratkan oleh kerajaan;

3. Mengenai soalan penempatan letak kereta bagi penduduk Kampung Air. Beberapa kemudahan bagi orang-orang awam telah diambil kira dalam merancang dan melaksanakan projek ini termasuklah menyediakan tempat-tempat letak kereta dan ruang yang selesa untuk orang ramai dan pelawat-pelawat beriadah dan menjalankan aktiviti-aktiviti perekonomian.

Setelah projek ini siap nanti orang ramai termasuk penduduk Kampung Air bolehlah meletakkan kenderaan di kawasan-kawasan yang telah disediakan. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*
Sejumlah 517 petak letak kereta akan disediakan di beberapa lokasi disepanjang Jalan *Residency* ini nanti.

Pihak Kementerian Pembangunan sukacita menasihatkan kepada orang ramai termasuk penduduk-penduduk Kampung Air supaya akan memanfaatkan kemudahan yang disediakan ini serta sama-sama menjaga kebersihan dan kerharmonian dan menghindari dari aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti "pemugut", membuang sampah di merata-rata tempat, meletakkan kereta sesuka hati di tepi-tepi jalan raya yang menghalang pergerakan lalu lintas jalan tersebut.

Sekian sahaja yang dapat kaola terangkan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut No. 22 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kebersihan kawasan dan alam sekitar adalah mustahak. Baru-baru ini beberapa orang individu dan syarikat telah dikenakan kompaun oleh pihak Penguatkuasaan Jabatan Bandaran disebabkan membuang sampah di tempat-tempat awam. Penguatkuasaan seperti ini bukan hanya dibuat berkala tetapi hendaklah sentiasa diteruskan dan ia bukan sahaja dibuat

dalam kawasan bandar tapi ia dilaratkan ke kawasan-kawasan luar bandar oleh agensi-agensi yang berkenaan terutama sekali Jabatan Daerah dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan mungkin juga boleh diminta tenaga-tenaga dan fikiran-fikiran dari persatuan-persatuan yang bukan kerajaan yakni *NGO's*.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat prihatin mengenai alam sekitar sebagaimana titah Baginda pada 5 Safar 1428 bersamaan 23 Februari 2003 semasa sempena menyambut Ulang Tahun Ke 33 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang antara lain berbunyi; "Satu lagi aspek penting dalam era baharu ini iaitu pengurusan alam sekitar.

Ini juga memerlukan sumber tenaga yang berkualiti, kerjanya memang sangat rumit kerana ia berkaitan dengan dalaman manusia. Kawalan dan arahan boleh saja dibuat tetapi mustahil untuk melihat kawalan dan arahan itu 100% dipatuhi. Jadi jawapannya kita perlu mempunyai mekanisme yang kemas termasuk tenaga-tenaga pakar yang lutanan untuk menanganinya.

Di sini suka juga beta memperingatkan supaya semua pihak mempunyai rasa tanggungjawab untuk memelihara alam sekitar menjadikannya menarik dan bersih. Tidak terdapat sampah-sarap yang berselerak terutama di tempat-tempat membeli-belah, pasar-pasar termasuk Pasar Tamu dan Pasar Tani. Berkaitan dengan fenomena alam kita janganlah lupa terhadap bencana yang sering melanda."

Soalan kaola: Apakah perancangan dan tindakan penguatkuasaan berdasarkan peraturan kebangsaan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi bagi mengatasi masalah sampah seperti berikut:

1. Longgokan bungkusan berisi sampah di tepi-tepi jalan;
2. Pembakaran di kontena sampah dan tapak penempatan kontena sampah yang tidak ada pengawas;
3. Cecair kotor yang berbau busuk yang keluar dari kenderaan sampah yang mengangkat sampah ke pusat pelupusan sampah di Sungai Paku, terutamanya apabila kenderaan sampah berkenaan membelok simpang mengakibatkan cecair sampah yang berbau busuk tumpah mengalir dengan banyaknya dan menjadi sungutan orang ramai yang sedang memandu apabila terpijak cecair sampah memercik ke cermin kenderaan mereka; dan
4. Status tempat pembuangan-pembuangan sampah di kampung-

kampung serta mukim-mukim yang telah dipohonkan tetapi belum dilaksanakan.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.
Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri
Pembangunan:** 

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai masalah pembuangan sampah di Daerah Tutong. Kaola akan menjawab semua soalan-soalan sekali gus sahaja.

1. Isu pembuangan sampah beberapa kali ditimbulkan di Majlis Mesyuarat Negara dan juga dibincangkan di peringkat jabatan dan daerah. Banyak usaha kerajaan telah dilaksanakan dan juga kerjasama dari agensi-agensi lain dan pihak sukarelawan dalam mengatasi masalah pembuangan sampah namun masih juga terdapat longgokan sampah dibuang di tepi-tepi jalan dan merata tempat. Bagi tempat-tempat yang dianggap *hot spot* termasuk tepi jalan raya yang selalu dibuang sampah merata-rata.

Pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan juga agensi-agensi yang berkaitan sentiasa membuat operasi penguatkuasaan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil dan mengenakan denda kompaun ke atas pesalah-pesalah. Kerja-kerja pemantauan akan dilaksanakan di

tempat-tempat berkenaan secara berkala.

Kerajaan telah pun membelanjakan sekurang-kurangnya \$100 ribu setiap bulan iaitu \$1.2 juta setahun untuk memastikan sampah-sampah yang dibuang di tapak-tapak pembuangan sampah di seluruh negara diurus dan dikutip setiap hari dan tapak-tapak berkenaan dipelihara untuk kemudahan dan keselesaan orang rama.;

2. Dalam hal ini, bagi sama-sama menjaga kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan, penduduk-penduduk kampung dan juga pengguna lainnya disarankan supaya menggunakan tapak pembuangan sampah dengan sebaik-baiknya.

Bagi memupuk rasa tanggungjawab dalam kalangan orang ramai pihak kerajaan tidak berhasrat untuk menambah pusat pembuangan sampah malah menyeru kepada orang ramai untuk berlanggan dengan syarikat perkhidmatan pengutipan sampah dari rumah ke rumah. Bagi perancangan jangka masa panjang pihak kerajaan akan menilai potensi untuk tapak-tapak pembuangan sampah seluruh negara dikawal selia oleh pihak swasta;

3. Mengenai cecair kotor yang berbau busuk yang keluar dari kenderaan

sampah yang mengangkat sampah ke pusat pelupusan sampah Sungai Paku. Adalah menjadi satu keperluan bagi syarikat-syarikat yang diberi lesen kebenaran untuk memberi perkhidmatan pengutipan sampah bagi memastikan kenderaan-kenderaan sampah dan kawasan yang dilaluinya sentiasa dalam keadaan bersih termasuk mengelakkan cecair sampah daripada mengalir ke kawasan-kawasan berkenaan.

Mana-mana syarikat yang melanggar dan tidak mematuhi syarat ini lesen kebenarannya akan digantung atau dibatalkan sehingga perkara tersebut ditangani atau diperbetulkan. Demikian juga bagi syarikat-syarikat yang mempunyai kontrak dengan pihak JASTRE yang menjalankan perkhidmatan kutipan dan pengangkutan sampah bahawa perkara ini dijadikan satu kriteria dalam menilai prestasi syarikat-syarikat berkenaan dan secara langsung mempunyai impak ke atas pembayaran kemajuan mereka.

Pihak JASTRE memohon kerjasama orang ramai sekiranya mendapati ada kenderaan sampah yang tidak menjaga kebersihan dan kawasan-kawasan laluan untuk memaklumkan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, nama syarikat dan nombor pendaftaran kenderaan

berkenaan untuk diambil tindakan yang sewajarnya; dan

4. Seterusnya mengenai status tempat pembuangan-pembuangan sampah di kampung-kampung atau mukim-mukim yang telah dipohonkan tapi belum dilaksanakan, perkara ini sudah kaola jawab semasa membincangkan Belanjawan Kementerian Pembangunan tempoh hari bahawa kawasan-kawasan baru di Mukim Telisai telah pun bermula dan dijangka siap pada bulan Jun 2018. Manakala lokasi tapak pembuangan sampah baharu di Mukim Tanjung Maya masih dalam proses pewartaan pada masa ini.

Sekian saja yang dapat kaola jelaskan mengenai persoalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut seterusnya ialah No. 23 daripada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin menyentuh mengenai

perkara *Social Enterprise* atau *Social Entrepreneurship*.

Social Enterprise atau *Social Entrepreneurship* adalah satu konsep yang masih *evolving* dan sudah melihat banyak usaha dalam menggalakkan keusahawanan dalam kalangan masyarakat terutamanya dalam kalangan belia. *Social Enterprise* mempunyai antara cirinya seperti berikut:

1. Menangani isu masyarakat seperti sosial, alam sekitar, budaya atau ekonomi;
2. Dibayar daripada hasil pendapatan dan bukan dari sumbangan atau *grant*;
3. Hasil dari keuntungan mereka digunakan untuk misi sosial mereka;
4. Memberi peluang pekerjaan kepada pengendali dan penerima;
5. Meningkatkan kemahiran dan mengurangkan isu sosial yang disasarkan; dan
6. Ia bersifat sebagai sebuah perniagaan didaftarkan di bawah *Companies Act* dan bukannya sebuah persatuan sukarela atau *Non Government Organization (NGO)* didaftarkan di bawah *Societies Act*.

Saya ingin bertanya. Apakah usaha pihak kerajaan dalam membangunkan lagi *Social Entrepreneurship*? Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian: Terima

kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya lebih dahulu ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad yang telah menyuarakan soalan mengenai *Social Entrepreneurship*.

Adapun kelebihan dan peranan *Social Entrepreneurship* memang diakui dan patut disanjung sebagai salah satu daripada saluran dari bantuan dan dukungan bagi isu-isu sosial dan kesejahteraan masyarakat di peringkat akar umbi di samping menanai semangat keusahawanan pada masa yang sama.

Ketika ini, belum ada dasar atau inisiatif yang khusus bagi membangunkan *Social Entrepreneurship*. Sungguh pun begitu, usaha ditekankan dalam pembangunan dan kejayaan *entrepreneurship* secara amnya, sama ada ia berbentuk konvensional atau berunsur sosial.

Usaha ini adalah sejajar dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Persidangan Khas Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet pada 7 Februari 2018, yang antara lain perkembangan *entrepreneurship* dan memupuk semangat keusahawanan adalah dititikberatkan dan ianya merupakan

asas penting bagi pembangunan ekonomi serta penajaan peluang pekerjaan kepada orang ramai.

Pembangunan *Social Enterprise* di negara ini, dapat dikembangkan melalui program-program keusahawanan yang sedia ada yang ditawarkan oleh pihak kerajaan melalui *Darussalam Enterprise (DARE)* dan juga anjuran sektor swasta. Setakat ini, beberapa perniagaan *Social Enterprise* telah menerima dukungan melalui program-program keusahawanan *Darussalam Enterprise (DARE)*.

Antara pengusahaan tersebut termasuk projek perniagaan "Tarbiyyah" yang menawarkan pendidikan Islam peringkat awal bagi kanak-kanak berunsur saintifik dan interaktif serta Sistem Aplikasi *Blood Kod* yang dibina oleh *Nextcloud Technologies* bagi pengurusan derma darah.

Kedua-dua *enterprises* tersebut telah turut serta dalam *Startup bootcamp*, putaran pertama yang diadakan pada bulan Oktober 2016 ke bulan Januari 2017.

Selain itu, pihak kerajaan memberi galakan kepada *Acts of charity* dalam kalangan perniagaan yang berdaftar di bawah *Companies Act* dengan menetapkan faedah bahawa pendapatan yang didermakan kepada Organisasi Amal Berdaftar (*Registered Charity Organisation*) adalah dikecualikan daripada Cukai Korporat mengikut Akta *Income Tax Chapter 35*.

Kita juga perlu mengingati bahawa aspek sosial dalam *Social Enterprise* bergantung pada nilai-nilai atau *value system* yang dipegang teguh oleh individu sendiri dan yang pastinya terhadap isu-isu social. Dengan memupuk amalan dan penghayatan Melayu Islam Beraja yang menitikberatkan kesejahteraan dan keperluan masyarakat di semua peringkat dan aspek kehidupan seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan secara organik akan bertumbuhlah *Social Enterprises* yang mementingkan kesejahteraan masyarakat seperti mana harapan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian saja yang dapat kaola sampaikan mengenai persoalan Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut terakhir pada hari ini akan dibawakan oleh Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, iaitu soalan No. 24 kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Keusahawanan bermaksud bertanggungjawab dalam haluan diri dan mewujudkan peluang untuk diri sendiri. Bersifat keusahawan pula bermaksud kesanggupan untuk berdikari dalam apa jua keadaan.

Manakala Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat dan usaha-usaha untuk membangunkan kemahiran ke arah keupayaan membangun komuniti di sektor awam adalah sebahagian daripada pendekatan diri dalam meningkatkan taraf serta kaedah-kaedah penyampaian.

Walau bagaimanapun, kajian semula dan analisis bebas patutlah dibuat kerana ianya memainkan peranan penting dalam struktur kerajaan secara keseluruhan. Soalan saya:

1. Apakah laluan tertentu yang telah dibuat oleh kementerian yang berkenaan dalam mengambil pendekatan *Whole of Nation Approach* bagi melanjutkan keusahawan dalam *Industrial Revolution 4.0* dan *Digital Economy*?
2. Adakah fahaman *if you build it they will come* dapat diaplikasikan di Negara Brunei Darussalam pada ketika negara menuju Wawasan Brunei 2035? dan
3. Pusat pembelajaran sepanjang hayat. Adakah wujudnya peningkatan yang boleh digunakan sebagai penyemakan dan jalan alternatif.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera. Saya lebih dahulu ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas keperihatinan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi yang telah menyuarakan soalan mengenai beberapa isu berkaitan keusahawanan dan keupayaan membangun komuniti.

1. Peramba/kaola/saya bermula dengan soalan Yang Berhormat mengenai melanjutkan keusahawanan dalam *Industrial Revolution 4.0* dan Digital Ekonomi. Perkara ini memerlukan sokongan padu dan kerjasama rapat antara beberapa agensi berkepentingan sektor swasta dan juga orang ramai.

Ia melibatkan pengeluaran pengusaha-pengusaha *technopreneurs* atau yang pandai membangun *solutions* yang berlandaskan teknologi. Di samping itu, ia juga memerlukan para pelanggan atau *customers* dalam kalangan orang ramai untuk mempunyai kecekapan dan *access* kepada teknologi dan *solutions* tersebut.

Pihak kerajaan memainkan peranan dalam pembangunan ekosistem yang kondusif serta memastikan pelan tindakan dijalankan secara serentak bagi membolehkan perkembangan *Industrial Revolution 4.0* dan Digital Ekonomi

dengan lebih pesat dan peluang-peluang tidak terlepas daripada para pengusaha.

Dari segi peningkatan keupayaan para pengusahawanan, Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian bekerjasama dengan agensi-agensi berkepentingan termasuk *Darussalam Enterprise* untuk meningkatkan kemahiran dan penggunaan teknologi digital dalam kalangan penglibatan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana.

Beberapa pihak menjalankan inisiatif untuk memajukan *e-Commerce* termasuk *Darussalam Enterprise* dan Kementerian Perhubungan. Di samping itu, pihak *Darussalam Enterprise* berusaha menolong para usahawanan dengan menubuhkan platform *e-Commerce* di bawah inisiatif *Made in Brunei* bagi mempromosi jualan produk-produk tempatan.

Bengkel-bengkel pengendalian logistik bagi pengusaha-pengusaha *e-commerce* juga dikendalikan. Selain itu *Darussalam Enterprise Startup BootCamp* telah memberi *coaching* dan latihan kepada 70 *start up* tempatan termasuk *technopreneurs* yang telah berjaya menghasilkan produk-produk berteknologi seperti:

- i. Platform pengurusan pertanian yang menggunakan teknologi *internet of things (IOT)*;
- ii. Platform pembelajaran al-Quran *online*; serta

- iii. Beberapa platform *e-Commerce* yang membolehkan orang ramai untuk membeli barang secara *online*.

Pihak AITI juga telah mengadakan program-program peningkatan kemahiran *ICT* iaitu Program Celik *ICT* atau *ICT Saviness Programme* bagi masyarakat umum di kesemua daerah sejak 2016 serta *Hobbyist Development Programme* iaitu program peringkat awal bagi pembangunan aplikasi dan Coding khususnya bagi pelajar-pelajar menengah dan pengajian tinggi.

Seterusnya dari segi *access* izinkan peramba/kaola/saya mengongsikan bahawa Kementerian Perhubungan dan AITI juga bertanggungjawab untuk menyediakan *access* kepada teknologi *ICT* dan kemudahan telekomunikasi seperti *broadband*.

Selain itu, Pejabat Harta Intelek Brunei - (*BruIpo*) juga memainkan peranan penting dalam pembangunan ekosistem yang kondusif bagi pengeluaran teknologi dan *solutions* baharu melalui Sistem Pemeliharaan Harta Inteleks - *PMKS*. Pendekatan bagi menghadapi *4th Industrial Revolution* dan Digital Ekonomi akan terus diteliti dan dibincangkan

- bersama kementerian-
kementerian dan pihak
berkaitan; dan
2. Seterusnya peramba / kaola / saya akan menjawab soalan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii mengenai dengan istilah *if you build it they will come* atau jika kamu bina mereka akan datang.

Pepatah ini ada hubung kaitnya dengan perancangan agenda pembangunan negara ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Walau bagaimanapun, pembangunan negara perlulah disesuaikan dengan calak Brunei dan nilai-nilai teras negara. Antara inisiatif usaha sama yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta termasuk:

- i. Mempermudahkan proses-proses dan kesesuaian perundangan yang berkaitan;
- ii. Penyediaan infrastruktur-infrastruktur dan kemudahan-kemudahan dukungan lain;
- iii. Usaha untuk mempelbagaikan kegiatan perekonomian dan sumber pendapatan negara dengan menyediakan persekitaran perniagaan yang *pro-business* dan *pro-investment* menarik Pelaburan Langsung Asing dan meningkatkan produktiviti melalui penyelidikan

dan pembangunan penggunaan teknologi serta inovasi.;

- iv. Mewujudkan peluang pekerjaan terutama sekali kepada para belia dengan mengukuhkan sistem pendidikan dan meningkatkan kemudahan serta program latihan bagi meningkatkan keupayaan dan kemahiran anak-anak tempatan.;
- dan
- v. Menggalakkan penggunaan inovasi dan peningkatan produktiviti melalui teknologi terutamanya penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat.

Usaha-usaha ini juga di bawah pantauan Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 bagi memastikan kegiatan-kegiatan kerajaan bersandarkan kepada bidang-bidang tumpuan Wawasan Brunei 2035. Proses pelaksanaan pembangunan ini mengambil jangka masa yang panjang ke arah membuah hasil dan impak yang dihasratkan. Ia tidak semata-mata bergantung kepada proses-proses atau *reform* yang diaturkan atau pembinaan asas yang canggih tetapi juga memerlukan komitmen dan kerjasama erat antara pihak kerajaan, swasta dan rakyat dalam sama-sama menjayakan rancangan-rancangan negara.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan kesepaduan dan pendekatan yang fokus ia akan mencapai matlamat yang dihasratkan termasuk menarik Pelabur Langsung Asing dan pembangunan wadah

bagi merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Setakat ini hasil daripada *whole of nation approach* yang diambil Negara Brunei Darussalam merupakan negara yang menunjukkan paling banyak peningkatan dari segi laporan *World Bank Doing Business* 2018, 2017 dan 2016.

Di samping itu, Negara Brunei Darussalam telah meningkat dalam kedudukan *global competitiveness index 2017*. Sebanyak 12 anak tangga berbanding dengan 2016 dan kini berada di anak tangga kelima teratas dalam *ASEAN*.

3. Akhir sekali, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, izinkan peramba / kaola / saya memberi pandangan mengenai Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat atau *Centre For Life Long Learning* yang bertempat di Universiti Brunei Darussalam.

Universiti Brunei Darussalam dan juga Pembelajaran Sepanjang Hayat secara amnya soalan ini menyentuh juga kepada beberapa perkara yang berkaitan dengan Universiti Brunei Darussalam dan Kementerian Pendidikan.

Tidak dinafikan bahawa program-program Pembelajaran Sepanjang Hayat seperti *Centre For Life Long Learning* adalah penting bagi memberi peluang kepada orang

ramai untuk meningkatkan lagi keupayaan mereka tidak kira umur dan sebaiknya disediakan pelbagai kaedah dan bidang supaya ia memberi fleksibiliti untuk digunakan oleh semua lapisan masyarakat dan bagi menjurus pelbagai bidang agar mereka mampu menyumbang kepada merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035 dan perkembangan pelbagai sektor ekonomi.

Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (*Centre For Life Long Learning*) Universiti Brunei Darussalam pada masa ini menawarkan program *short courses*. *Short courses* adalah kursus jangka pendek yang bermanfaat dan relevan bagi mereka yang berkeinginan untuk meningkatkan kemahiran (*up skilling*), melatih semula tenaga manusia (*risk skilling*).

Membina kemahiran profesional serta meningkatkan prospek pekerjaan. Sejak penubuhannya pada tahun 2016, *Centre For Life Long Learning* telah pun menawarkan sebanyak 24 kursus jangka pendek dan setakat ini seramai 281 pelajar telah menyertai program-program tersebut.

Program-program Pembelajaran Sepanjang Hayat seperti *Program Centre For Life Long Learning* dipantau oleh Majlis Perancangan Tenaga Manusia bersama dengan agensi-agensi berkepentingan yang

lain seperti Kementerian Pendidikan, Pusat Bangunan Belia dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei untuk meneliti keberkesanannya agar program-program yang ditawarkan akan mengintegrasikan pendidikan latihan laluan kerjaya dan terutamanya keperluan industri dan ekonomi.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Tenaga dan Perindustrian memberi input dari segi nasihat mengenai jenis kemahiran yang dikehendaki dan diperlukan oleh industri serta dari segi bantuan untuk menjalinkan ketua-ketua perindustrian dengan penyedia kokurikulum dan *training provider*.

Komen Yang Berhormat tadi mengenainya diambil maklum dan pembelajaran sepanjang hayat merupakan satu perkara yang perlu penelitian penyesuaian secara berterusan untuk memastikan ia masih relevan dan efektif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian jua yang dapat kaola sampaikan mengenai soalan Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukup sudah dalam kita membincangkan Perkara IV, Soalan-Soalan Yang Diberi Notis.

Beberapa soalan telah pun dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan soalan-soalan itu telah pun dijawab oleh

Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Kita akan seterusnya berpindah ke agenda selanjutnya bagi membolehkan kita menyambung semula, meneliti dan membincangkan Rang Undang-Undang yang bergelar Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibincangkan dan dikaji satu per satu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat ini dan kita akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini sekarang bersidang dalam Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Tajuk-Tajuk dalam Jadual Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Pada petang semalam kita telah mula membincangkan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah selesai menyampaikan mukadimahya

tentang hala tuju dan perancangan kementerianya.

Pada petang semalam juga, seramai 3 orang Ahli Yang Berhormat telah ikut serta dalam membahaskan Tajuk ini. Bersama saya masih lagi banyak Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membahaskan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, atas mukadimah dan penjelasan mengenai bajet dan fungsi serta tanggungjawab kementerian yang telah disampaikan kelmarin.

Kaola juga mengucapkan terima kasih dan syabas atas usaha-usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian yang akan mengendalikan Projek Air Bawah Tanah di kawasan Mukim Labi seperti yang dimaklumkan kelmarin dalam menjawab soalan Yang

Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Mudah-mudahan penemuan ini dapat mengatasi masalah kekurangan air di Ladang Padi Lot Sengkuang di Mukim Labi.

1. Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan. Ada ura-ura Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, akan menjadikan kawasan Teraja di Mukim Labi sebagai Taman Negara kedua di Negara Brunei Darussalam. Jika benar kaola menyokong penuh kerana di kawasan Teraja pada masa ini pun sudah digazetkan sebagai Lingkungan Hijau dan *Heart Of Borneo*;
2. Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Dicadangkan untuk mewujudkan Skim Kemajuan Peladang kepada belia khususnya di Daerah Belait untuk bergiat aktif dalam pertanian. Kerajaan melalui Jabatan Pertanian hendaklah membantu serta memberikan skim dengan menyediakan tanah kerajaan yang terbiar di Kuala Balai misalannya, untuk bertanam padi, pokok rumbia, jagung atau buah-buahan. Ini secara tidak langsung membuka balik kewujudan Mukim Kuala Balai dan dapat memberi pendapat dan pandangan dan seterusnya meningkatkan ekonomi;
3. Mengenai dengan UTB dan UBD: Adakah sudah bertindak mengatasi masalah sekuriti makanan negara dan berapa ramai anak tempatan yang sudah dihantar mendalami

bidang *agriculture* dan akuakultur dengan bertujuan bagi menghasilkan makanan untuk rakyat Negara Brunei Darussalam?;

4. Bagaimana kualiti dan kuantiti tenaga pakar di Negara Brunei Darussalam yang telah diusahakan bagi menangani isu penanaman padi?;
5. Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Kebanyakan penduduk Kampung Sungai Teraban, Mukim Kuala Belait, bergantung hidup pada sumber pendapatan melalui hasil penangkapan ikan dan sumber laut. Kawasan penangkapan ikan dan hasil laut pula terbatas, hanya di luar kawasan-kawasan Zon Eksklusif penghasilan minyak dan gas. Maka dipohonkan melalui agensi-agensi kerajaan yang berkenaan seperti Jabatan Perikanan atau Jabatan Laut untuk menimbangakan bagi menyediakan dan menambah tempat-tempat khusus dan lebih selamat untuk para nelayan mengadakan aktiviti-aktiviti penangkapan ikan dan hasil laut.

Penduduk Kampung Sungai Teraban yang berkenaan dan sekitarnya juga perlu dimaklumkan tentang kewujudan dan koordinasi tempat-tempat tersebut untuk memudahkan membuat kerja-kerja mereka.

Penyediaan tempat-tempat khusus untuk nelayan ini diharapkan akan dapat mengurangkan aktiviti memancing di kawasan-kawasan yang terlarang. Tempat-tempat khusus untuk para nelayan ini termasuk penyediaan tukun-tukun tiruan atau bangunan-bangunan yang boleh menarik ikan-ikan dan hasil laut di tempat berkenaan. Ini boleh lagi menambah lagi hasil ikan di tempat yang disediakan dengan secara tidak langsung akan menaikkan ekonomi pendapatan nelayan-nelayan tempatan.

Dengan itu juga kaola memohon:

- i. Dijelaskan tukun-tukun atau *structures* yang dipohonkan dari jabatan lain yang pernah mendapat bantuan dari Jabatan Perikanan;
- ii. Mohon dikongsikan data dari hasil pendapatan ikan di Jabatan Perikanan Kuala Belait; dan
- iii. Mohon dikongsikan statistik data penangkapan bagi orang memancing disebabkan kesalahan memancing di kawasan terlarang yang dibuat oleh Jabatan Perikanan.

Sekian disampaikan dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, yang mengajukan beberapa soalan ataupun beberapa cadangan.

1. Berkenaan dengan Kampung Teraja di Mukim Labi. Sebagai cadangan untuk membangun satu destinasi pelancongan. Memang sedang dibuat, tetapi bukan sebagai Taman Negara kedua, tapi sebagai satu destinasi pelancongan lestari, yang akan mengambil kira untuk memelihara hutan-hutan *rain forest tropica*, memelihara kehidupan liar atau memelihara juga tradisi-tradisi orang kampung di kawasan berkenaan untuk di lestarikan sepanjang masa.

Disamping itu juga, akan menggalakkan pelancong-pelancong ke sana bukan sebagai perosak kepada alam sekitar, tetapi akan membantu untuk mengekalkan ketahanan Teraja sebagai sebuah Kawasan *rain forest* yang terkawal dan untuk kitani sebagai *sanctuary* ataupun tempat berlindung bagi hidup-hidupan liar bukan sahaja dari dalam negara bahkan mungkin dari luar negara untuk berpindah ke tempat kita disebabkan terdapatnya banyak kerosakan alam sekitar di sekitar negara-negara jiran kita. Jadinya berkonsep lebih lestari daripada konsep sebagai *purely* untuk menarik lebih ramai pelancong

dan untuk lebih mengekalkan kelestarian alam sekitar berkenaan.

2. Berkenaan dengan skim kerjaya bagi peladang-peladang belia di Daerah Belait. Tidak ada skim yang khas bagi Daerah Belait tapi bagi seluruh negara, seperti yang saya terangkan semalam, kita mempunyai skim untuk menggalakkan belia aktif dalam pertanian sama ada pertanian secara murah ataupun secara yang lebih *sophisticated* dengan menggunakan rumah-rumah hijau, rumah-rumah terlindung, *hydroponic*, dan lain-lain. Ataupun menggunakan cara yang termurah sekali menggunakan bahan-bahan terbuang yang kos nya cuma \$50.00 untuk membangun dan boleh menghasilkan tanaman yang boleh dijual sehingga bernilai \$300.00 ke \$500.00 sebulan ini terpulang kepada belia berkenaan.

Jadi seperti yang biasanya dalam mukadimah kaola Yang Berhormat, kaola menganjurkan Penghulu-Penghulu Mukim, Ketua-Ketua Kampung dan Ketua-Ketua Masyarakat untuk menampilkan belia yang berminat untuk dibantu oleh jabatan dalam pelbagai kaedah pertanian yang mereka gemar.

Yang penting sekali kebijakan dalam memilih apa jenis tanaman adalah penting kerana

dalam setengah hektar itu kita boleh menanam sawi, menanam bayam yang boleh dijual dengan harga \$1.00 ke \$2.00 sekilo.

Tetapi kalau seorang pelanggan bijak mungkin ia boleh menanam *lettuce* yang boleh dijual dengan harga \$8.00 atau menjual ceri tomato boleh dijual dengan harga mungkin \$12.00 sekilo.

Kebijakan penting dalam bertani, selain untuk bertani saja-saja. Adalah dialu-alukan kalau ada belia dari mana-mana daerah dan kampung yang ingin mendapatkan taklimat, tunjuk ajar ataupun mengadakan lawatan dikawasan-kawasan pertanian yang telah berjaya di alu-alukan untuk tampil dan untuk dibantu;

3. Mengenai *UTB*: Adakah program-program untuk membantu kita dalam sekuriti makanan? Saya rasa soalan ini lebih baik diajukan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana beliau lebih arif dalam bidang ini;
4. Berkenaan kualiti peladang di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai kemahiran yang cukup untuk berladang. Kemahiran adalah satu ciri utama dalam berladang akan tetapi seperti yang saya maklumkan sebelum ini, kebijakan penting juga. Kebijakan dalam memilih

tanaman juga penting dalam kita berharap pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang lumayan, bukan sahaja sabagai hobi;

Bagi belia yang berminat dalam bidang pertanian kerana mereka masih muda adalah lebih baik kerana mereka bijak dan kementerian boleh mendedahkan kepada siapa sahaja untuk meneliti mana-mana jenis tanaman pertanian untuk diusahakan dan kos perbelanjaan untuk memulakan aktiviti berkenaan.

Apakah kos operasinya dan apakah hasil jualannya dan bila memilih jenis tanaman yang boleh menawarkan keuntungan operasi yang lebih besar, boleh menanggung sara hidup sekeluarga tanpa bergantung kerja pada siapa-siapa malah boleh diharap akan menawarkan pekerjaan kepada belia lain.

Perkara ini sudah berlaku jadi sekali lagi saya berharap kalau ada belia di kawasan mukim-mukim di bawah jagaan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, kaola mengalu-alukan mereka untuk tampil memohon bantuan-bantuan kepada kementerian; dan

Berkenaan soalan perikanan, Yang Berhormat Pengerusi, kaola memohon

untuk ditangguhkan untuk menjawabnya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya juga agak hairan kadang-kadangnya kerana terlalu banyak Ahli Yang Berhormat meminta *figures* atau perangkaan *survey* dibuat haruslah dimaklumi bahawa membuat satu *survey* ini bukanlah satu perkara yang mudah. Ia memerlukan tenaga dan juga memerlukan wang.

Apakah faedah yang kita buat atau perolehi daripada satu *survey* itu haruslah kita ketahui dahulu. Bukannya satu yang kita lihat dan seterusnya kita minta supaya *survey* dibuat. Kalau sesuatu *survey* yang tidak berguna kepada kita, maka ia tidak mendatangkan faedah kepada kerajaan. Sesuatu yang dibuat oleh kerajaan itu haruslah mempunyai tujuan tertentu yang mendatangkan faedah yang banyak dan kita bolehlah berbelanja dan kita bolehlah menggunakan tenaga pegawai-pegawai yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat tidaklah mencadangkan sesuatu yang sebagaimana yang saya nyatakan semalam barangkali yang sangat nyaman disebut secara mulut tetapi melaksanakannya sesuatu perkara yang harus difikirkan.

Seterusnya, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola akan membawa perkara yang dibawah Tajuk SH01A, Tajuk SH04A dan Tajuk SH06A. Merujuk kepada Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tahun 2016 hingga 2020. Kaola menyambut baik strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif antara lain menyasarkan keluaran kasar Industri Sumber-Sumber Utama secara keseluruhan secara purata 28.8% setahun bagi tahun 2016 hingga 2020 berbanding pertumbuhan purata secara keseluruhan 6.5% setahun pada tahun 2010 hingga 2015.

Adalah juga diambil maklum bahawa pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memberikan tumpuan kepada beberapa industri utama seperti industri ayam pedaging, sayur-sayuran, bunga keratan, agrimakanan, aquaculture, perikanan, pemprosesan makanan laut dan industri hiliran dan nilai tambah perhutanan.

Inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam menjalinkan kolaborasi dengan pelbagai institusi antarabangsa bagi membuat kajian khusus bagi mendapatkan benih padi yang berhasil lebih tinggi adalah juga merupakan satu langkah yang sangat baik dan proaktif.

Soalan kaola:

1. Apakah terdapat perancangan atau inisiatif selanjutnya pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam meningkatkan lagi produktiviti dan kualiti pengeluaran Industri Sumber-Sumber Utama?

Khususnya, dari segi pemantapan bidang penyelidikan dan kajian iaitu bukan sahaja penyelidikan dan kajian di bawah kawalan pihak kementerian tetapi juga diperluaskan penyelidikan dan kajian berkenaan ke institusi-institusi pendidikan dan pengajian tinggi tempatan di negara ini;

2. Seringkali kita terbaca mengenai kecurigaan orang awam tentang keselamatan dan kehalalan makanan dan produk makanan yang terdapat dan dijual di negara ini termasuklah buah-buahan dan sayur-sayuran yang didatangkan dari negara luar.

Adakah terdapat perancangan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atau pihak-pihak yang berkenaan yang lainnya untuk mengadakan proses *Product Certification* sebagai salah satu langkah meningkatkan dan menjamin tahap kualiti buah-buahan, sayur-sayuran, makanan dan produk-produk makanan yang diimport dan dibawa ke negara ini? Ini bukan sahaja dari segi kehalalannya tetapi juga dari segi

keselamatan barang-barang berkenaan; dan

3. Apakah inisiatif-inisiatif yang telah diambil atau dirancang oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta agensi-agensi berkenaan yang lainnya dalam mempertingkatkan dan memperbanyakkan lagi pakej-pakej pelancongan di negara ini selain dari pakej-pakej yang sedia ada dan digemari pelancongan sekarang seperti Pakej Pelancongan *Eco-tourism*? Adalah dicadangkan apa kiranya diadakan dan dipromosikan pakej pelancongan yang berteraskan keislaman atau *Islamic Tourism Package* dengan membawa para-para pelancong atau pengunjung ke mana-mana destinasi-destinasi ke destinasi-destinasi yang melambangkan perkembangan Islam di negara ini.

Sekian وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Sekali lagi terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

1. Berkenaan dengan apakah rancangan ataupun inisiatif kementerian untuk meningkatkan produktiviti terutamanya melalui kajian-kajian termasuk kolaborasi dengan institut pendidikan negara.

Seperti yang juga dinyatakan dalam pelan strategik berkenaan, peningkatan produktiviti yang akan diungkayahkan menerusi penggunaan teknologi terkini dalam kita merealisasikan untuk meningkatkan keluaran kita.

Seperti yang juga dimaklumi dalam perbincangan awal beberapa Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa KDNK kita mengalami penurunan selama 5 tahun berturut-turut.

Jadi adalah mendesak bagi kita untuk meningkatkan pengeluaran KDNK dalam bidang pertanian dengan sesegeranya, sebab itulah kita bertindak dengan menggalakkan pengusaha kita untuk menggunakan teknologi tertinggi dalam aktiviti pertanian, penternakan dan juga dalam industri penangkapan atau penternakan ikan.

Ini diadakan dengan menggalakkan pelabur-pelabur asing sama ada secara persendirian mereka atau secara berusahasama dengan pengusaha-pengusaha negara ataupun dengan menggalakkan pengusaha-pengusaha negara yang lebih berorientasikan bisnes untuk juga terlibat dalam bidang pertanian, ternakan dan juga industri memproses agrimakanan.

Nampaknya kita berjaya dalam inisiatif ini, contohnya kita telah dapat menawarkan tapak bagi sebuah *company* dari luar negara

untuk mengusahakan ternakan ikan dalam kolam serba tingkat.

Jadi tidak menggunakan kawasan yang banyak tapi menggunakan teknologi tinggi iaitu air pun dikawal kemasinannya mengikut kehendak jenis ikan yang ditenak dan air yang dipakai boleh dipusing semula setelah dibersihkan dan digunakan semula.

Jadi lebih menjimatkan dari segi kawasan tapi keluarannya lebih tinggi. Produktiviti bermaksud keluaran kita bertambah berganda-ganda tanpa menggandakan atau menaikkan input termasuk tenaga kerja dan juga kawasan ataupun tanah yang digunakan.

Mengenai *research* ataupun kajian dengan institusi-institusi pendidikan memang perkara ini sering diajukan kepada institusi berkenaan tetapi terpulanglah kepada mereka sama ada menyambut cabaran ini ataupun terpulang kepada tenaga kerja mereka ataupun bidang kajian yang mereka buat ketika ini. Akan tetapi perkara ini memang akan berterusan diusahakan dengan institusi berkenaan;

2. Berkenaan dengan kawalan keselamatan makanan yang dibawa masuk dari negara luar. Seperti biasa mana-mana orang yang ingin mengimport barang-barang makanan, buah-buahan ataupun daging-daging akan dimestikan mendapat pensijilan dari negara

mana dia mengimport bahawa barang-barang berkenaan adalah selamat untuk dibawa keluar oleh institusi yang diiktiraf di negara berkenaan iaitu kompeten autoriti dan kebenaran yang boleh mengiktiraf bahawa barang itu selamat maksudnya dari segi *chemical contain* ataupun dari segi mungkin kebersihan ladang-ladangnya dan lain-lain.

Setelah kita mendapat kepastian dari autoriti negara luar yang membawa barang yang diimport ke dalam negara kita itu selamat untuk digunakan, baharulah pengimport dibenarkan untuk membawa masuk barang berkenaan.

Setelah itu barang berkenaan juga akan diperiksa lagi di Bahagian Kastam manakala Pegawai Pertanian mengambil sampel dari bahan berkenaan untuk dicuba, *test* sama ada pencemaran ataupun tidak.

Jika ada pencemaran maka akan dikuarantin dan jika betul ada masalah mungkin akan dimusnah ataupun dipulangkan atas perbelanjaan pengimport sendiri. Memang ada sudah kawalan yang dibuat bagi barang-barang import yang berkenaan dengan barang-barang tanaman dan barang-barang makanan.

Berkenaan dengan isu kehalalan bukanlah dalam bidang Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tetapi di bawah Kementerian Hal-Ehwal Ugama.

Inisiatif dalam meningkatkan lagi pakej pelancongan seperti juga yang dimaklumkan dalam Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ada tiga strategi dalam perkembangan produk pelancongan di negara kita:

- i. Mengukuhkan lagi produk yang sedia ada maksudnya seperti Temburong sebagai destinasi Kampung Air, Bandar Seri Begawan dan sekitarnya;
- ii. Produk yang *emerging* produk-produk baharu akan dinaikkan tarafnya menjadi satu masa akan menjadi produk *premier* seperti tasik-tasik, pantai-pantai dan lain-lain lagi termasuklah yang kita *discuss* tadi iaitu Bukit Teraja; dan
- iii. Produk yang kita kembangkan ialah dari segi *activities*. Aktiviti itu seperti menyelam, aktiviti seperti *boat watching* dan juga aktiviti lain seperti yang mahu dikembangkan sebetulnya ialah macam untuk Brunei jadi *Conference MICE Tourism* untuk *education* jadi pusat *conference* dan lain-lain lagi.

Aktiviti yang kita adakan baru-baru ini *December Festival*, kita sering menghadapi apabila bulan Disember orang kita banyak bercuti ke luar negara. Pada Disember tahun lalu kita telah pertama kali mengadakan *December Festival*, banyak

aktiviti telah diadakan yang kesemuanya dianjurkan oleh *private* sektor tanpa melibatkan perbelanjaan kerajaan sama sekali dan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** sambutannya sangat bagus dan diharap aktiviti ini akan berterusan setiap bulan Disember yang dapat mengubah *mindset* kitani bahawa setiap bulan Disember itu Brunei ada satu destinasi untuk bercuti juga dan mungkin suatu masa menjadi *brand* kitani orang luar pun akan memilih Brunei sebagai destinasi percutian pada bulan Disember.

Sekianlah dulu jawapan kaola Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

**الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ**

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyentuh sedikit mengenai Tajuk SH04A. Walaupun mungkin sudah terjawab yang *detail* sebentar tadi, kaola hanya ingin menambah sedikit, dalam laporan baru-baru ini kita ada menerima maklumat menunjukkan bahawa penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam telah melancong ke luar

negara-negara jiran dan telah berbelanja lebih kurang \$1.4 billion pada tahun lalu.

Jumlah ini angka yang besar yang pastinya menjejaskan peluang perniagaan, bahkan juga peluang pekerjaan di Negara Brunei Darussalam. Perkara ini perlu diambil tindakan dengan cepat khususnya adalah *stakeholders* dan agensi berkaitan untuk menarik minat rakyat dan penduduk negara ini berbelanja di negara sendiri. Soalan kaola:

1. Apakah langkah-langkah bersepadu yang dibuat oleh agensi-agensi berkenaan untuk mengurangkan angka tersebut? Apakah langkah untuk menarik pelancong luar negara ke Negara Brunei Darussalam dan juga langkah untuk menyedarkan orang ramai supaya berbelanja dan melancong di negara sendiri; dan
2. Kaola menyentuh Tajuk SH04A - Jabatann Pertanian dan Agrimakanan iaitu Meningkatkan Hasil Pertanian. Realiti yang kita hadapi ialah produk tempatan khususnya produk asas tani seperti sayur, daging dan buah-buahan masih lagi ketinggalan jika dibandingkan produk luar. Ini, jelas dengan kadar produk tempatan yang tidak menyerlah khususnya di pasa raya di negara ini.

Dalam hal ini, kita perlu ada rangkaian dari awal hingga kepada pemasaran dan penerimaan masyarakat pengguna bagi mengenal

pasti fokus dan tindakan yang bersesuaian.

Soalan kaola: Apakah ada rancangan jangka pendek dan sederhana yang perkara ini akan dirancang?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Abd Wahab bin Apong atas soalan tadi.

1. Berkenaan dengan penduduk di negara ini yang banyak melancong dan berbelanja di luar negara. Apakah inisiatif kita untuk mengurangkan trend tersebut? Jika kita *develop* produk yang sama bukanlah untuk orang luar sahaja. Tetapi juga untuk memastikan orang kitani untuk berbelanja di Brunei.

Seperti di Daerah Temburong dan Kampung Air, bukan hanya untuk pelancong sahaja tetapi juga untuk pelancong dalam negara ini.

Sebagaimana falsafah Jabatan Pelancongan yang ada masa ini, jika kita dapat menarik perhatian orang Brunei ertinya kita juga boleh menarik perhatian orang luar negara.

Jika kita tidak dapat menarik perhatian orang Brunei sendiri macam kita hendak menarik orang luar. Itulah, konsep kitani pada masa ini iaitu mengadakan *Brunei Gastronomy Week* iaitu menguar-

uarkan makanan Brunei bukan sahaja untuk orang Brunei malah luar negara juga untuk meramai-ramai dan melariskan penjualan makanan Brunei tersebut.

Begitu juga *Brunei Disember Festival*, bukan sahaja menarik perhatian orang luar tetapi juga untuk dalam negara bagi menggalakkan orang kitani untuk bercuti di Brunei. banyak lagi akan diadakan **إن شاء الله** pakej-pakej berkenaan dan dengan kerjasama beberapa pihak.

Dengan adanya majlis-majlis perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Hari Kebangsaan dengan sendirinya untuk menarik pelancong asing melawat ke negara ini. Dan pada masa yang sama juga memastikan penduduk negara ini berada dan berbelanja di Brunei.

Beberapa Kementerian dan pihak swasta juga mengadakan aktiviti-aktiviti lain untuk menarik perhatian orang Brunei seperti *Trade Fair* dari masa ke masa untuk menggalakkan orang kitani berada di Brunei di sepanjang masa terutama pada musim-musim percutian panjang.

Kaola juga ingin menambah mengenai pelancongan Islam yang disoalkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Perkara ini akan diusahakan dengan kerjasama beberapa agensi tertentu terutamanya dalam mengadakan aktiviti-aktiviti belia di masjid-masjid seluruh negara dalam kalangan penduduk Brunei.

Malah juga mungkin akan menjemput belia dari luar negara untuk ikut serta dalam program-program yang dikendalikan oleh masjid-masjid seluruh negara dalam menggalakkan pelancong luar negara ke negara ini dengan menggunakan kredibiliti kitani sebagai Negara Melayu Islam Beraja; dan

2. Meningkatkan hasil pertanian supaya produk hasil tanaman seperti sayur-sayuran dan buah-buahan itu menyerlah dan banyak didapati dijual di pasar raya-pasar raya di negara ini. Tidak dapat dinafikan jika dibandingkan dengan buah-buahan dari negara jiran. Kos yang dikeluarkan oleh orang kitani mungkin agak mencabar untuk bersaing dengan mereka.

Sebab itulah, kaola bercakap mengenai *smart farming* iaitu pintar dan bijak memilih apa jenis tanaman yang ditanam itu supaya tidak bersaing secara *direct* dengan barang-barang keluaran dari luar negara. Kementerian sekarang melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan berunding dengan beberapa pasaraya di dalam negara untuk memastikan mereka dapat berunding dan secara berkontrak dengan peladang-peladang di Brunei

ini supaya mereka dapat membeli hasil-hasil dari peladang-peladang tersebut.

Tetapi harus juga ada respons dan dapat bertindak seperti yang dikehendaki oleh pasar raya berkenaan. Sebagai contoh jika mereka berkehendakkan *Japanese Melon* atau *Cherry Tomatoes* mestilah dipatuhi apa yang dimahukan dan jangan dihantar yang lain kerana tomato ini tidak mereka import dan harganya lebih mahal. Dengan sendirinya, walaupun kosnya tinggi, jika kita memilih tanaman yang boleh meraih harga yang tinggi, kita boleh mendapat keuntungan yang besar dan tidak perlu bersaing dengan barang-barang import dan yang pastinya memanglah kualiti itu terpulang kepada peladang berkenaan sama ada mereka mahu mengikut tatacara atau *good practise* yang mana lebih teratur, lebih bersih dan tidak menggunakan *chemical* yang berlebih-lebihan.

Kesemuanya akan menjadi faktor kepada pembinaan harga-harga barang berkenaan menjadi barang premium. Ertinya terpulanglah kepada peladang sendiri dan akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan barang mereka diterima bukan sahaja di pasaran dalam negara malah pasaran luar negara juga asalkan mereka patuh kepada kehendak-kehendak *final consumer* atau pengguna terakhir. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terutama sekali kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong atas mukadimah yang disampaikan pada petang kelmarin.

1. Soalan kaola ingin menyentuh mengenai sektor pelancongan di bawah Tajuk SH06A. Menurut perangkaan Jabatan Kemajuan Pelancongan yang dijelaskan kelmarin, peratusan jumlah ketibaan pelancong di negara ini menunjukkan prestasi yang positif pada tahun-tahun kebelakangan ini, tahniah diucapkan. Usaha-usaha untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara ini sudah setentunya perlu diteruskan.

Walau bagaimanapun, ia masih sahaja pada tahap rendah berbanding dengan negara-negara lain yang sememangnya sudah maju dalam industri pelancongan. Jika kita amati negara kita kaya dengan hutan-hutan tropika dengan khazanahnya tersendiri serta pantai-pantai yang indah.

Dalam perancangan strategi Kemajuan Pelancongan, pantai adalah salah satu produk *emerging*

sebagaimana perkara ini telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat sebentar tadi cuma kaola ingin mengetahui sejauh manakah pelaksanaannya? Adakah sebarang perancangan untuk melarutkan ke pantai-pantai yang lain?; dan

2. Selain pelancongan Islam dan ekopelancongan juga sebentar tadi telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat. Kerajaan telah meningkatkan usaha dalam mengadakan *sports tourism* atau pelancongan sukan.

Kaola ingin mengetahui jika usaha tersebut akan diteruskan. Sejauh manakah *sports tourism* ini memberikan impak positif kepada sektor pelancongan Brunei? Apakah usaha-usaha Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam meningkatkan keberkesanan promosi pelancongan bagi menarik lebih ramai pelancong ke negara ini? Kaola rasakan perkara ini masih boleh diperbaiki.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon atas soalnya-

1. Mengenai pantai-pantai sebagai produk *emerging*. Pantai kebanyakannya tidak semua di bawah kawalan Jabatan

Kemajuan Pelancongan, ada yang di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan ada yang di bawah Kementerian Pembangunan barangkali. Jadinya, kaola sedang berunding dengan kementerian-kementerian berkenaan untuk memajukan pantai-pantai berkenaan sebagai satu destinasi pelancongan.

Sebagai contoh, Pantai Seri Kenangan akan dikombinasikan dengan Pekan Tutong dengan Sungai Basong untuk ditawarkan kepada pemaju-pemaju secara *PPP* dipakej untuk dimajukan sebagai destinasi pelancongan supaya mereka dapat *develop, manage, maintain* dan mengurus ketiga-tiga lokasi ini sebagai satu pakej.

Sama jua seperti Pantai Serasa dan Pantai Muara mungkin dapat menemukan satu *developer* yang boleh *develop, manage, maintain* kawasan berkenaan sebagai satu pakej pelancongan, bukan sahaja untuk orang luar tetapi untuk orang di dalam negara juga, yang pentingnya kalau *developer* itu dapat *manage, maintain* ia akan mengutip hasil daripada orang datang atau yang menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan, sewa-sewa kedai ataupun penyewaan bot-bot dan penyewaan segala kemudahan yang ada di sana.

Ini masih lagi peringkat awal, ertinya terpulanglah kepada *developer* yang ada di sekitar kita sama ada

mereka sanggup atau dapat membuat satu *proposal* yang menguntungkan mereka dan tidak merugikan kita sebagai kerajaan dalam usaha untuk menjalankan *PPP* itu. Seperti yang peramba maklumkan tadi masih dalam perundingan, sebabnya pemiliknya bukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berbagai-bagai pemilik jadi harus dirundingkan bersama mereka supaya kita tahu mereka tidak ada rancangan yang lain selain rancangan itu; dan

2. Berkenaan dengan *sport tourism*. Ini pun ada pertindihan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Berbagai-bagai acara sukan diadakan bukan sahaja yang bertaraf amatir tapi profesional pun ada juga. Seperti yang kita tahu minggu lepas ada *tournament golf* yang dianjurkan oleh *Richard Mill* sebuah syarikat yang kaya dari United Kingdom menganjurkan *sport golf* dan mereka juga menganjurkan *tournament polo*.

Kita merasa beruntung kerana Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan cuma membantu jika sekiranya ada keperluan mereka dalam berbagai-bagai bentuk dari segi logistik dan lain-lain keperluan sebagai koordinasi sahaja. Insya-Allah, minggu hadapan akan ada lagi satu *tournament ladies golf* dari Korea dan China akan diadakan di *Empire Hotel and Country Club*. Ini semuanya akan menggalakkan

banyak pelancong ke Negara Brunei Darussalam.

Insyallah, mungkin ada orang berpendapat *selling* tapi yang penting kita mesti mencari *organizer event manager* yang sanggup mengadakannya dan sanggup menaja. Inilah yang kita kurang, penajaan itu kurang kerana untuk menjemput pemain-pemain yang terkemuka perlu penajaan yang besar. Insyallah akan dicuba dengan kerjasama beberapa pihak terutama sekali Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga beberapa *event managers* yang kita kenal.

Promosi pelancongan, Yang Berhormat Pengerusi sudah semalam menerangkannya panjang lebar jadi kaola tidak akan menyambung lagi, terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.
 السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan selamat sejahtera. Dalam Dewan Persidangan yang mulia ini, semoga sentiasa mendapat rahmat dan berkat jua yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Kaola sukacita ingin bercakap dalam Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Yang Berhormat Pengerusi, petani-petani yang bertanam padi di kampung-kampung terutama sekali petani-petani kecil yang bertanam padi di sawah-sawah yang kecil lebih kurang dari 1 hektar seorang antaranya terus berusaha gigih bagi menghasilkan padi untuk sara diri.

Petani-petani ini tidaklah semua berkemampuan dalam menyediakan segala kemudahan untuk menaikkan taraf sawah yang sebenarnya saluran dan perparitan. Kaola dan para petani penanam padi amat menyambut dengan baik atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana antara mukadimah pada menyediakan peruntukan perbelanjaan bagi membina kemudahan sebagai skim tambahan untuk perairan dan perparitan dalam mengatasi permasalahan dan juga dapat meningkatkan hasil pertanian juga.

Yang Berhormat Pengerusi. Adalah diakui bahawa hasil padi yang dituai kebanyakannya menurun hasilnya pada tahun ini sebagaimana yang dimukadimahkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas sebab-sebab yang tertentu yang berlaku. Bagi membantu keadaan juga terdapat ada beberapa perkara yang harus diatasi dengan bantuan Jabatan Pertanian secara berjadual.

Antara perkara tersebut ada juga sudah antaranya disebut oleh Ahli-Ahli Yang

Berhormat secara umum. Walau bagaimanapun, kaola khususkan di Zon 1 Daerah Belait:

1. Agar dapat mengkaji lagi tanah sawah petani di kampung terutama di Daerah Belait dan mengatasi supaya sawah itu boleh ditanam padi yang disyorkan masa ini dan boleh membantu menambah hasil pendapatan sebagai hasil untuk mencapai hasil sara diri;
2. Membantu menaikkan taraf sawah di kampung-kampung bagi memudahkan kerja-kerja menggunakan jentera seperti membajak, menanam dan menuai. Bantuan menyediakan jentera di pusat-pusat pertanian seperti Pusat Pertanian di Kampung Sungai Liang, Labi dan tempat lain. Pekerja jentera tersebut juga harus disediakan walaupun ia secara bayaran sewa yang berpatutan kerana petani-petani kecil tidaklah semuanya mampu untuk membeli jentera-jentera yang diperlukan; dan
3. Baja-baja yang diperlukan agar sentiasa mencukupi disediakan di Pusat Pertanian Sungai Liang dan Labi dan lawatan-lawatan yang bejadual dari pegawai-pegawai pertanian dan nasihat serta tunjuk ajar yang diperlukan dari masa ke masa.

Yang Berhormat Pengerusi, sekian sahaja, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Nampaknya, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin mengemukakan beberapa cadangan yang sudah pasti akan diteliti dan dipertimbangkan. Misalnya mengatasi masalah yang dihadapi oleh peladang-peladang padi di Zon 1 untuk dikaji beberapa masalah-masalah yang mereka hadapi. Kalau boleh digalakkan bertanam benih-benih padi yang juga kita tawarkan kepada pihak-pihak lain.

Manakala, penaikan taraf sawah-sawah padi diteliti juga iaitu dengan menggalakkan penggunaan jentera supaya lebih efisien dalam kerja penyediaan tanah dan mungkin juga kerja-kerja penuaian padi. Bagi penyediaan baja-baja dan racun-racun akan ditingkatkan keberadaannya di kesemua peladang di Daerah Belait.

Ertinya, abis kaola juga akan memperhatikan lebih banyak lawatan dan tunjuk ajar akan diberikan kepada peladang-peladang di Daerah Belait bagi memudahkan mereka berkecimpung dalam bidang penanaman padi. Insya-Allah Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Wasalatu Wasallamuala Rasulillah Wa'ala Alihi Wasahbihi Waman Tabi'ahuwawallah. Kaola ingin menyentuh mengenai Kod 002/000, Kod 002/001 dan Kod 002/002 mungkin juga ada kena mengenai Kemajuan Pelancongan.

Pertama-tama kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pelancongan kerana telah memasukkan projek yang sangat-sangat penting dan perlu diadakan iaitu Pembinaan Pasar Ikan, Jerudong dan perkara itu sudah abis kaola diberitahu semasa muzakarah dan juga semasa pembentangan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri baru-baru ini. kaola tumpang gembira kerana satu pasar baharu, Jerudong yang mempunyai konsepnya tersendiri dengan mengambil kira keperluan orang-orang yang terlibat dalam penggunaan pasar itu.

Dalam kesempatan ini, kaola mencadangkan dan kaola percaya mungkin telah pun dirancang oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk sama-sama berkolaborasi dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menjadikan lokasi Pasar Ikan Jerudong itu, sebagai suatu tarikan

pelancongan jika dirancang dengan baik-baik.

Maksud kaola, biarlah kali ini pasar itu bukan hanya untuk keperluan menjual ikan atau pun hasil-hasil perikanan dan tempat berjaja penduduk kampung tetapi, juga lebih besar daripada itu jika Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dapat merancang suatu yang lebih menarik menjadikan kawasan itu sebagai tempat menjadi tumpuan orang ramai untuk mendapatkan berwisata ataupun melancong ke sana sambil-sambil menikmati pemandangan, makanan, minuman dan sebagainya.

Maksud kaola, supaya tempat itu dijadikan tempat perniagaan bagi perusahaan perikanan sebagai tempat mendaratkan ikan, diadakan gerai-gerai ataupun bagaimana caranya nanti supaya hasil-hasil ikan itu dinikmati oleh orang ramai dalam bentuk produk masakan ikan ataupun ikan bakar dan sebagainya. Disediakan apa-apa jua kemudahan mengenai perkara itu secara *whole of nation* bersama dengan kementerian-kementerian lain.

Hanya kaola minta, apabila ia jadi nanti peruntukan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang disediakan haruslah dibuat perancangan supaya tempat itu tidak akan sesak. Masa ini pun banyak orang tertarik datang ke sana. Tapi keadaan masuk ke tempat itu sangatlah sesak dan menyebabkan orang ramai tidak jadi masuk kerana masalah *traffic jam*.

Yang Berhormat Pengerusi. Itu saja yang kaola ingin sampaikan dan semoga perancangan itu di *in-cooperate* dalam satu perancangan yang bersepadu dengan jabatan-jabatan kementerian lain. Antaranya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim. Cadangan ataupun saranan yang telah diutarakan baru-baru ini iaitu bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkolaborasi dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Kementerian Pembangunan untuk menjadikan kawasan Pasar Jerudong itu sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik dengan pelbagai aktiviti-aktiviti yang boleh menarik pelancong dari segi mengadakan pasar-pasar, gerai-gerai dan aktiviti yang unik bagi menarik pelancong mungkin termasuklah penjualan Satu Produk Satu Kampung, dari segi kraftangan dan lain-lain lagi. Mempastikan bahawa jika aktiviti ini terjadi nanti tidak akan berlakunya kesesakan jalan di kawasan berkenaan.

Sekali lagi terima kasih kaola mengucapkan Yang Berhormat Pengerusi **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dirundingkan

dengan pihak yang berkenaan, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ingin menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa kita ini selama 15 belas minit untuk membolehkan kita berehat.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula selepas kita berehat 15 minit. Sebelum Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan tadi untuk berehat, kita masih lagi membahaskan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Walau bagaimanapun saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan ingin untuk membuat kenyataan untuk membuat jawapan tambahan kepada soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat semasa kita membincangkan Jadual Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa peka terhadap keselamatan makanan yang dibawa masuk ke negara ini. Bagi tujuan keselamatan makanan bagi produk pertanian yang diimport. Ujian makmal akan dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Sainifik seperti pencemaran, sisa racun, kimia, pertanian dalam sayur-sayuran dan buah-buahan.

Ujian makmal juga termasuk pada pencemaran kimia dan mikrobiologi kehalalan dan juga produk *alteration* ataupun *authenticity* sebagai contoh analisis ke atas beras mengenai pencemaran plastik, mentega, *cornbeef*, coklat dan selainnya. Mengikut Akta Kawalan atau Akta Kesihatan Makanan Penggal 182, Kementerian Kesihatan juga mengawal semua jenis makanan yang diproses dan yang diimport ke negara ini. Jadi untuk mengimport makanan tersebut ia perlu didaftarkan terlebih dahulu dan memastikan produk makanan tersebut selamat untuk dimakan dan mematuhi Akta Kesihatan Makanan Penggal 182.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada Oktober 2016 pendaftaran makanan import bagi makanan berproses boleh dilakukan atas talian *online* melalui portal kerajaan e-Darussalam. Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi pendaftaran makanan

ini hendaklah dimuat naik ke sistem tersebut. Melalui sistem ini akan diproses dan pembayaran ada diperlukan juga di sana. Segala prosesnya seperti lazimnya akan mengambil masa dalam tempoh 7 hari bekerja. Sekian untuk maklum. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sekarang kita bukakan Tajuk ini untuk dibahaskan seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Kaola ingin mengucapkan tahniah atas mukadimah dan penjelasan atas program-program dan usaha-usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang telah dibentangkan melalui mukadimah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kaola yakin semua inisiatif yang telah, sedang dan yang akan dijalankan itu akan memberi impak yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara ke arah yang lebih positif terutama sekali pada peningkatan KDNK Negara. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ

Kaola juga menyokong sepenuhnya mukadimah Yang Behormat dalam membantu meningkatkan KDNK Negara

kerana seperti yang diketahui negara kita telah mengalami penurunan drastik kepada KDNK kita dari tahun 2011 iaitu *positive* 3.7% menurun sehingga 2016 *negative* 2.5%.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SH02A sehingga Tajuk SH04A - Jabatan Perhutanan, Perikanan dan juga Pertanian dan Agrimakanan. Merujuk kepada Pelan Strategik tahun 2016, tahun 2020, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bahawa keluaran kasar Industri Pertanian, Perikanan dan Perhutanan disasarkan bertumbuh pada kadar purata 28.8% setiap tahun dan sasaran jumlah pengeluaran dianggarkan bagi tahun 2020 ialah sebanyak \$1.8 bilion.

Akan tetapi bila dibandingkan jumlah pengeluaran sebenar dan dianggarkan mengikut statistik JPKE tahun 2016, keluaran kasar Industri Pertanian, Perikanan dan Perhutanan KDNK bagi tahun 2016 adalah 189.5 juta *actual*. Manakala sasaran bagi tahun 2016 adalah \$640.69 juta. Ia cuma dapat mencapai 30% dari apa yang disasarkan dan kadar sasaran bagi tahun 2020 adalah \$1.8 bilion.

Pecahan jabatan-jabatan tersebut adalah seperti berikut; Industri Perikanan, sasaran keluaran kasar sebanyak 44% setiap tahun dan sasaran jumlah pengeluaran pada tahun 2020 adalah \$680.25 juta. KDNK bagi tahun 2016 bagi Perikanan sebenar adalah \$62.9 juta. Sasaran adalah \$188 juta.

Melihat kepada harga rancangan RKN iaitu 006/000 bagi di bawah Tajuk Peningkatan Penghasilan Perikanan Tangkapan dan Akuakultur Harga rancangan disediakan di bawah RKN11 adalah \$16.9 juta. Akan tetapi tiada perbelanjaan disediakan pada tahun 2018/2019.

Manakala bagi Industri Pertanian dan Agrimakanan sasaran keluaran kasar sebanyak 24% setiap tahun dan sasaran pada tahun 2020 adalah 1.08 billion. Statistik menunjukkan KDNK bagi Pertanian dan Agrimakanan pada tahun 2016 adalah \$9.5 juta sebenar dan sasaran adalah \$188 juta.

Merujuk kepada Kod 003/000 Pengeluaran Beras Negara iaitu membina Skim Pengairan Tambahan di kawasan penanaman padi di seluruh negara. Harga rancangan RKN11 ada disediakan \$10 juta dan peruntukan yang disediakan pada tahun ini 2018/2019 adalah cuma \$400 ribu.

Bagi program peningkatan keluaran sayur menggunakan teknologi tinggi bagi menjana Keluaran Dalam Negara Kasar, Harga Rancangan menyediakan \$30 juta manakala Harga Perbelanjaan Peruntukan 2018/2019 hanya \$1 juta. Rancangan Pembangunan Industri Ternakan bagi menjana pengeluaran \$106.8 juta bagi 2015 ke \$300 juta bagi tahun 2020. Harga rancangan RKN11 adalah \$27 juta. Tidak ada perbelanjaan disediakan bagi tahun 2018/2019. Bagi Industri Perhutanan sasaran keluaran kasar sebanyak 65% setiap tahun dan sasaran jumlah

pengeluaran bagi tahun 2020 ialah \$46.4 juta.

KDNK statistik tahun 2016, \$36.1 juta harga sebenar dan \$35.74 juta sasaran. Di bawah RKN11 program penghijauan semula ke atas kawasan hutan di *graded* harga rancangan sebanyak \$1.5 juta dan tidak ada perbelanjaan disediakan bagi tahun 2018/2019. Walau bagaimanapun, merujuk kepada Buku Anggaran Hasil dan Belanjawan Negara 2018/2019 keseluruhan peruntukan anggaran bagi perbelanjaan kemajuan bagi ketiga-tiga pengeluaran iaitu pertanian, perikanan dan perhutanan ini sangat terhad memandangkan ia di bawah Rancangan Kemajuan Negara yang ke 11.

Peruntukan yang terhad ini tidak sepadan atau *does not match, they are all independence* dengan sasaran. KDNK 20, tahun 2020 yang ingin dicapai oleh pihak kementerian dari ketiga-tiga pengeluaran ini. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Keempat Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara sudah sampai masanya Negara Brunei berdikari dalam pemakanannya khasnya berdaya upaya untuk menyara diri sendiri dengan makanan asasi sendiri iaitu beras. Usahakanlah sampai berhasil.

Soalan kaola; Apakah rancangan pihak kementerian untuk mencapai sasaran yang telah disasarkan oleh pihak kementerian seperti yang kaola

nyatakan tadi melalui sasaran-sasaran yang telah dianggarkan? Sejauh manakah pencapaian sasaran-sasaran tersebut menuju ke tahun 2020?

Sekian sahaja dari kaola. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman kerana mengajukan beberapa soalan dan beberapa mukadimah sebelum soalan berkenaan.

Soalannya apakah rancangan kementerian untuk mencapai sasaran untuk meningkatkan keluaran sektor pertanian terutama daripada KDNKnya? Pada tahun 2015 bernilai sekitar \$200 juta dan akan ditingkatkan sekitar 5 kali ganda tahun 2020. Seperti dalam pelan strategi cara kita mencapainya dengan menumpukan kepada peningkatan produktiviti. Dilihat produktiviti kita seperti 2015 dan sebelumnya, pengeluaran padi cumalah 1 - 3 tan sehektar. Sedangkan negara lain *on a base* dalam 5 ke 8 tan sehektar.

Ini sebagai contoh menggunakan Padi Titih. Jadi *outputnya* bertambah daripada nilai berat keluaran 2,000 tan pada tahun 2015 menjadi 7,700 tan pada tahun 2020. Itulah keadaanya menggunakan teknologi menukar *variety* itu sendiri, sama juga dengan cara kita meningkatkan keluaran

perikanan, selalunya kita menggunakan kapal-kapal kecil untuk ke laut menangkap ikan. Pada tahun 2015, 70% dari hasil tangkapan ikan adalah kita melalui penggunaan perahu-perahu ke laut tapi *trend* yang kita gunakan pada masa ini ialah menggunakan *aquaculture system* iaitu menggunakan sangkar-sangkar, tangki-tangki dan kolam-kolam udang dan ikan.

Jadinya, kita akan meningkatkan produktiviti sebabnya kita tidak akan terdedah lagi dengan risiko musim tengkujuh dan ombak besar untuk mendapatkan hasil ikan lebih terkawal. Itulah kaedah kita menggunakan teknologi baharu. Akan tetapi kalau *humanity output* dari 2015 hingga 2016 mungkin mustahil sebabnya dalam mana-mana pun ada proses pembinaan infrastrukturnya itu, bukan kerajaan tetapi mereka sendiri membina sangkar dan ia memakan masa.

Tapi **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** sekarang sudah berjalan dan hasilnya dapat dilihat mungkin pada hujung tahun ini atau tahun depan.

Begitu juga dengan ternakan ayam. Dahulu peladang-peladang ayam menggunakan sistem terbuka iaitu rebannya tidak berdingin. Sekarang ini menggunakan, "sistem tertutup". Selalunya kalau orang memelihara ayam 1 reban dalam 3,500 ekor, sekarang boleh sampai 30,000 ekor ayam dalam 1 reban menggunakan "sistem tertutup", *cooling system*. Inilah cara kita untuk menukar teknik *production* yang lebih efisien, selamat dan tidak

terdedah kepada penyakit musim-musim tertentu dan lain-lain lagi.

Itulah sebenarnya kaedah yang kita gunakan untuk mencapai sasaran tersebut. Untuk mendapatkan teknologi kadangkala terpaksa juga kita jemput pelabur-pelabur dari luar negara untuk mengongsikan teknologi berkenaan sama ada untuk mereka sendiri ataupun usaha sama dengan kita.

Tadi saya sudah menyatakan sebagai satu contoh pelabur luar negara akan menggunakan tangki bertingkat untuk memelihara ikan-ikan dan udang-udang. Keupayaan mereka sehingga boleh memuatkan tangki 8 tingkat sebenarnya tapi ini tertakluk juga kepada kesediaan tenaga elektrik di kawasan berkenaan. Sama juga dengan ternakan ayam.

Untuk memastikan lebih banyak "sistem tertutup" digunakan memerlukan infrastruktur tenaga elektrik yang mencukupi di kawasan berkenaan.

Insyallah perkara ini akan dibincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan dan termasuk dalam harga rancangan sama ada rancangan kementerian ataupun rancangan di Kementerian Tenaga (*Energy*) dan Industri.

Demikianlah jawapan kaola sebagai menjawab mengenai rancangan kita untuk mencapai sasaran berkenaan. Secara ringkasnya dengan menggunakan teknologi terkini untuk meningkatkan produktiviti, terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimerianty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat Pengerusi, boleh kaola menambah sikit? Yang kaola *raised* tadi juga mengenai tidak ada anggaran ataupun perbelanjaan yang disediakan walaupun ia di bawah RKN11, tapi tidak ada perbelanjaan yang disediakan untuk 2018/2019 memandangkan sasaran pengeluaran KDNK bagi kementerian tadi adalah 300 kali ganda dari KDNK 2015 ke 2020.

Kalau dilihat daripada segi perbelanjaan tidak ada dinyatakan untuk tahun 2018/2019. Adakah ia akan mencukupi untuk melaksanakan atau meningkatkan lagi KDNK tersebut?

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Yang Berhormat Pengerusi. Tidak semua aktiviti yang akan dibuat oleh peladang-peladang, pelabur-pelabur itu memerlukan perbelanjaan kerajaan malahan mungkin dibiarkan mereka sahaja berbelanja.

Sebagai contoh bila kita bercakap tentang *aquaculture*, penggunaan sangkar-sangkar di Tanjung Pelumpong. Tidak ada sebarang perbelanjaan kerajaan sama sekali. Kita serahkan sahaja kawasan air itu untuk mereka membuat sangkar dan memelihara ikan. Tidak ada perbelanjaan kerajaan untuk membina jalan raya dan air.

Kebanyakan kawasan yang kita tawarkan sudah mempunyai *structure* yang *ready* seperti di kawasan *Agri-Tech*

Park ataupun di mana-mana. Bila kaola memberitahu pelabur yang menggunakan sistem bertingkat kawasan itu sudah *ready* dengan bekalan elektrik dan airnya.

Sekiranya tidak mencukupi kita akan menyarankan untuk meningkatkan kapasiti elektrik berkenaan dengan *compensation* yang mereka dikecualikan daripada membayar sewa beberapa tahun supaya mereka dapat *recover investment* mereka, *upgrade* infrastruktur berkenaan. Inilah kaedah yang dipanggil *PPP* sebenarnya.

Kebanyakan aktiviti kita tidak memerlukan perbelanjaan kerajaan malahan pelabur sendiri yang meng*upgrade* infrastruktur berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira ada baiknya barangkali Yang Berhormat yang berkenaan bercakap terus kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan supaya perbincangan itu akan dapat selari dengan satu *wavelength*. Saya kira ada masalah prosedur barangkali yang harus ditentukan dahulu misalnya barangkali adalah soal *budgeting* yang kita amalkan.

Ertinya sekiranya dalam tahun ini tidak ada bajet maka pihak yang berkenaan besar kemungkinan tidak akan memulakan projek yang berkenaan itu sungguhpun ada skim *valu*nya dalam bajet RKN. Tapi walau macam manapun itu hanyalah sangkaan saya

sahaja jadi saya kira lebih kalau Ahli Yang Berhormat berunding terus dengan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya keduanya akan bercakap dalam satu *wavelength* yang sama.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Barangkali apa yang kaola akan bawakan ini ada hampir sama dengan apa yang dibawakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi iaitu mengenai Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Kod Akaun 1101-003 - Program Peningkatan Keluaran Sayur Menggunakan Teknologi Tinggi Bagi Menjana Keluaran Dalam Negeri Kasar yang dalamnya terkandung bajet Belanjawan Negara \$1 juta bagi tahun 2018/2019 tapi ada lagi RKN11 sebanyak \$30 juta.

Kemudian Kod Akaun 1101-004 - Rancangan Pembangunan Industri Ternakan Bagi Menjana Pengeluaran \$106.8 juta bagi 2015, yang insya-Allah akan ditingkatkan kepada \$300 juta menjelang tahun 2020 dan dalam bajet yang disediakan dalam RKN11 sebanyak \$27 juta.

Soalan saya:

Apakah kegunaan bajet yang akan diberikan oleh RKN11 sebanyak

\$57 juta? Itu persoalan kaola, Yang Berhormat Pengerusi.

Selalunya kedua belanjawan berkenaan ini dibiayai oleh pengusaha itu sendiri. Kaola mahu tahu:-

Apakah bajet itu akan diperlukan? Apakah ia dari segi infrastruktur dan sebagainya? Dalam pertanian ini juga perlu, kaola rasa, untuk diambil perhatian dalam bidang aliran bawahan. Kaola percaya dengan adanya nanti, perancangan tertentu pengeluaran barang-barang asas pertanian akan banyak tetapi kalau kitani tidak menyiapkan dari aktiviti *downstreams*, ke manalah tujuhnya. Apa yang kaola khawatirkan nanti akan terjadi kelimpahan barang tapi barang yang tidak akan ke mana-mana. Juga perlu bantuan dari segi *R&D*, kerana ia penting dalam melaksanakan ataupun pengeluaran barang-barang aliran bawahan.

Mengenai bajet bidang pelancongan. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bahawa pada tahun ini, **الْحَمْدُ لِلَّهِ** telah meningkat kepada 18% iaitu menunjukkan ada kemajuan dan semoga ia akan dapat berterusan. Kaola hanya ingin melihat dalam bajet ini iaitu melihat kepada pemasaran ke luar negeri.

Apa yang kaola lihat mengenai aset-aset kerajaan yang ada di luar negeri, seperti di England ada terdapat *Brunei Hall* dan sebagainya. Jika dapat difikirkan

supaya kitani adakan restoran yang bercorak keperluan cita rasa Brunei. Insyallah kitani dapat menempatkan gambar-gambar pelancongan Brunei, menyediakan brosur mengenai Brunei seperti yang dibuat oleh sebahagian negara lain.

Kaola dapat melihat yang boleh memainkan peranan dalam perkara ini *Royal Brunei Catering (RBC)*, iaitu sebuah organisasi agensi pekerjaan yang di bawah kawalan kerajaan, mungkin akan dapat dilihat satu potensi dan mudahan akan menjadi titik tolak membawa potensi perusahaan dan pekerjaan di luar negeri yang juga harus diambil kira. Itu saja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad. Mengenai soalan pertama berkenaan dengan peruntukan yang disediakan kepada bahagian tanaman berteknologi tinggi dan juga perbelanjaan pembangunan kemajuan bagi ternakan ayam. Kalau ia di bawah RKN ataupun kemajuan, kebanyakannya ia berkaitan dengan infrastruktur seperti penyediaan tanah-tanah, infrastruktur parit dan lain-lain lagi.

Manakala, kalau infrastruktur hendak membangun reban ayam, bermakna tidak terkandung. Itu diserahkan kepada peladang-peladang berkenaan, samalah

juga pembinaan rumah hijau (*green house*), tidak akan ditanggung oleh kitani. Ia diserahkan kepada peladang-peladang dan pelabur-pelabur sendiri untuk melaksanakannya. Kalau ada peruntukan diadakan, yang bidang di bawah kemajuan, kebanyakannya infrastruktur sahaja.

Manakala pelancongan dengan menggunakan aset-aset kitani di luar negara seperti *Brunei Hall* dan lain-lain, digunakan untuk mempromosi pelancongan Brunei, satu cadangan yang baik. *In fact*, kitani meminta kerjasama dari kedutaan-kedutaan kitani sebagai ejen menyalurkan maklumat berkenaan dengan pelancongan Brunei ini ke seluruh dunia dan kita selalu berunding dengan duta-duta kitani di luar negara untuk *mendownload* maklumat-maklumat pelancongan itu dan kalau boleh menterjemahkan maklumat berkenaan dalam bahasa tempatan tempat mereka berada.

Misalannya di Korea, dihantar maklumat dalam Bahasa Melayu ataupun Bahasa Inggeris akan diusahakan untuk menterjemahkan menggunakan pegawai di sana ataupun ejen-ejen pelancongan yang mereka kenali di negara berkenaan untuk menterjemahkannya dan mempromosikannya membawa pelancong negara berkenaan ke Negara Brunei Darussalam. Jadi, *the best thing*, kitani menggunakan aset itu sebaik-baiknya.

Begitu juga dengan *Royal Brunei Catering (RBC)* untuk bekerjasama

mempromosi makanan-makanan Brunei, saya kira kitani serahkan pihak berkenaan untuk menimbangkannya kerana ia melibatkan kos mereka, *marketing* dan hasil mereka sendiri dan juga beberapa kos operasi yang mereka tanggung sendiri dan merekalah yang menilai sama ada sesuai atau tidak untuk membuka operasi di luar negara.

Ada beberapa pertanyaan yang tidak jelas tadi, bagaimanapun akan kaola jawab kemudian, Yang Berhormat Pengerusi, kalau belum terjawab sekarang dan masa ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bercakap mengenai padi jua, menyokong yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat dari Daerah Belait tadi. Walau macam manapun, kaola sukacita menambah untuk memperkasakan mengenai padi di Negara Brunei Darussalam.

Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan terima kasih setinggi-tingginya atas inisiatif dan usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam meningkatkan hasil pertanian melalui projek-projek yang dirancang terutama sekali dalam sektor industri padi.

Diharapkan agar usaha murni ini memberikan perkembangan dan pencapaian yang positif, insya-Allah.

Bagi mendukung usaha ini, melibatkan seluruh rakyat juga diperlukan, sekurang-kurangnya dapat membantu memenuhi harapan ke arah melaksanakan atau memperkasakan industri padi secara bersepadu. Ini kerana budaya berpadi bukanlah asing bagi orang Brunei, seperti isi dengan kuku. Sejak dahulu lagi, berpadi dijadikan pekerjaan utama bagi menampung keperluan sara diri dan keluarga.

Sehubungan dengan itu, kaola mencadangkan agar budaya berpadi ini dihidupkan semula dengan memperkenalkan beberapa kaedah baharu yang boleh dijadikan panduan hala tuju industri padi yang boleh berdaya tahan sdrtta menyumbangkan pertumbuhan kepada ekonomi negara di sektor pertanian.

Di samping itu, kaola mencadangkan inisiatif bagi menubuhkan Syarikat Koperasi atau Syarikat Korporat berasaskan perniagaan padi. Antara kaedah yang boleh diguna pakai sebagai pilihan kepada petani untuk menjual hasil padi mereka secara berterusan.

Selain itu, dapat menghasilkan berbagai-bagai jenis padi bagi memenuhi permintaan pasaran domestik dari hasil usaha penduduk tempatan secara kecil-kecilan atau sederhana.

Seterusnya juga di samping itu, usaha-usaha bagi mengetengahkan peluang-peluang yang ada harus dipergiatkan secara berterusan agar industri ini boleh dilihat sebagai industri yang menguntungkan semua pihak.

Ini termasuklah meneroka peluang-peluang yang ada dalam sektor pelancongan, industri produk aliran berasaskan sumber padi perniagaan dan pekerjaan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. اَلْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung atas beberapa cadangan termasuk cadangan supaya budaya berpadi ini dihidupkan semula sebagai berdaya tahan dan cadangan untuk menggalakkan koperasi berasaskan padi untuk menjual padi secara berterusan bagi memenuhi pasaran tempatan dan usaha bagi mengembangkan pelancongan berasaskan padi.

Tidak dapat dinafikan memang berpadi adalah aktiviti tradisi orang-orang Brunei terutama sekali orang yang berumur, saya tidak tahu berapa ramai orang belia yang terlibat berpadi ini. Kita dapati kebanyakannya ialah orang berpencen (bersara) dari kerajaan sama ada dari *civil service* ataupun tentera, kebanyakannya dari pesara-pesara bukannya belia. Mudah-mudahan

lebih banyak belia yang terlibat maka sebarang usaha kita akan berbaloi dalam jangka panjang, insya-Allah.

Cadangan berkoperasi untuk beraktiviti bertanam padi memang sudah berjalan ketika ini di beberapa kawasan misalnya di kawasan Wasan ada koperasi bekas-bekas perajurit ada beberapa koperasi dari kampung-kampung berhampiran dan memang masa ini hasil padi mereka dijual kepada pihak kerajaan yang setentunya memakan perbelanjaan yang besar kepada kerajaan.

Sebagai contoh tahun lepas sahaja penyediaan asal bajet berjumlah 2 juta lebih untuk membeli padi tidak mencukupi dan terpaksa menambah lagi permohonan sebanyak \$5.7 juta untuk perbelanjaan kerajaan membeli semua hasil padi seluruh negara. Jadi harus difahami/maklumi bahawa dengan bertambahnya pengeluaran padi jika kita mengekalkan sistem pada masa ini akan bertambahlah juga perbelanjaan kerajaan untuk membeli hasil-hasil padi nanti. Sebab itulah kita menfokuskan kepada peningkatan produktiviti perkhidmatan hasil ladang bagi pelanggan itu, supaya keuntungan mereka akan berlipat ganda 4 kali ganda daripada yang ada sekarang ini.

Mudah-mudahan dengan demikian, mereka secara sukarela untuk tidak memerlukan subsidi ataupun dapat berunding dengan kerajaan untuk mengurangkan harga pembelian daripada kerajaan itu, asal sahaja keuntungan yang mereka dapati tidak

berkurang dan yang penting sekali memastikan *pack* kita ini berdaya tahan selama-lamanya dan tidak akan menguntungkan satu pihak sahaja.

Mengenai usaha bagi melibatkan aktiviti berpadi sebagai sumber pelancongan juga perkara yang digalakkan kerana ada beberapa negara di sekitar kita ini negara-negara kecil yang penuntut-penuntut / penduduk-penduduk mereka tidak terdedah kepada perladangan. Pada musim percutian mereka merancang ke luar negara termasuk ke Negara Brunei Darussalam untuk menikmati ataupun didedahkan bagaimana cara orang berpadi bukan sahaja berpadi begitu juga cara bagaimana orang memelihara ayam, kambing dan bertanam buah-buahan. Insya-Allah perkara ini akan diusahakan dan akan dibincangkan dengan ejen-ejen pelancongan di negara kita untuk memasukkan aktiviti melawat ke ladang-ladang padi terutama pada musim-musim menanam dan menuai padi sebagai salah satu destinasi pelancongan Insya-Allah.

Demikian sahaja yang dapat kaola terangkan untuk menjawab soalan berkenaan. Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Akhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 2 perkara yang dibangkitkan. Mungkin

ada implikasi dengan pembukaan Rimba *RGC* terhadap peniaga-peniaga kecil bunga-bunga hidup di Pusat Hortikultur Rimba:

1. Apakah langkah - langkah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi menjaga kebajikan peniaga-peniaga kecil tersebut? dan
2. Apakah projek jangka panjang di tapak Agro Tungku dan bangunan-bangunan yang sedia ada? Adakah perancangan untuk sebarang kegunaan?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Soalan pertama mengenai Pusat Hortikultur di Kampung Tungku. Saya kurang pasti yang mana satu, tetapi saya kira ada satu bangunan yang dibangunkan oleh *private sector* yang telah bermula beberapa tahun lalu dan sekarang pun sudah dibuka yang kebanyakannya untuk mempamerkan dan menjual barang-barang bunga-bunga keluaran syarikat berkenaan. Diharap juga akan membuka peluang kepada peniaga-peniaga lain dan kecil untuk ikut serta dalam menjual barang-barang hortikultur mereka di kawasan berkenaan. Abiskaola memang tujuan asalnya sedemikian bukan untuk seorang sahaja tetapi untuk *industry as whole*.

Berkenaan dengan tapak pertanian di Kampung Tungku yang dulu dikenali sebagai Agrotech Park, tidak banyak bangunan di sana cuma ada satu bangunan pejabat sahaja dan yang lain kebanyakannya tanah pertanian yang sudah berinfrastruktur. Kita telah pun menawarkannya beberapa kali kepada pelabur-pelabur dalam negara dan pelabur asing untuk mengusahakannya dalam berbagai-bagai bidang tanaman, buah-buahan dan sayur-sayuran bagi tujuan dalam negara dan juga tujuan eksport dengan menggunakan teknologi tinggi. Ini disebabkan oleh infrastruktur yang telah sedia ada dan kerajaan berbelanja besar untuk menjalankan projek ini.

Jadi untuk memastikan ia berbaloi, sebab itulah kita lebih mirip untuk memastikannya digunakan untuk penggunaan tanaman berkualiti tinggi, berharga tinggi dan untuk tujuan export selain tujuan pasaran dalam negara dan menggunakan kawasan yang kecil tetapi mendatangkan hasil berkualiti yang tinggi.

Di situlah juga kita sedang mengadakan Projek Rintis bersama dengan belia dan juga bersama dengan *contract farmers* ertinya pembeli dari dalam dan luar negara untuk dieksport ke luar negara. Mereka bergabung dengan peladang belia untuk menanam jenis-jenis tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran yang berkualiti tinggi dan untuk dieksport ke luar negara.

Insyallah, dengan adanya skim ini, usaha kita untuk meningkatkan keluaran

secara besar-besaran dengan kualiti yang tinggi dan harga yang tinggi untuk meraih keuntungan yang tinggi kepada peluang-peluang yang berkenaan akan dapat kitani nikmati tidak lama lagi.

Kita juga telah menawarkan kepada pelabur asing kawasan bersaiz 40 hektar di kawasan berkenaan akan tetapi pelabur berkenaan telah pun menarik diri kerana beberapa isu termasuk isu kewangan dan isu kesesuaian tanah bagi aktiviti yang hendak dicadangkannya tidak sesuai untuk tanaman berkenaan.

Walau bagaimanapun, kawasan berkenaan akan ditawarkan semula bukan secara *RFP* tetapi mungkin secara Rintis kerana Projek Rintis lebih efektif dan lebih mudah dipantau dan mudah untuk kitani menarik balik jika mereka gagal dalam percubaan berkenaan. Rintis ini termasuk juga untuk ditawarkan orang dalam negara dan juga kepada pelabur-pelabur luar negara. Sekian dahulu Yang Berhormat Pengerusi jawapan kaola. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang telah menjelaskan dengan panjang lebar terhadap pertanyaan-pertanyaan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira sekarang sesuai bagi Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya kita undi untuk menentukan sama ada ia kita luluskan atau sebaliknya.

Maka saya sekarang ingin bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya tidak ada Ahli Yang Berhormat yang menentang? Maka Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita mula membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Maka dengan ini, seperti lazimnya saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk menyampaikan ucapan pendahuluannya berhubung dengan hala tuju belanjawan kementeriannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. الْحَمْدُ لِلَّهِ kaola mengambil kesempatan ini untuk membuat mukadimah. Peruntukan Belanjawan yang disokong dan dicadangkan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam Tahun Kewangan

2018/2019 adalah sebanyak \$236,225,580.00 iaitu sebagaimana yang tertera dalam Lampiran 1.8, dokumen No. 2 tahun 2018 Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2018/2019.

Jumlah tersebut di bawah Tajuk Perbelanjaan Biasa yang meliputi Gaji Kakitangan sebanyak \$206,192,330.00 dan Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak \$30,033,250.00. Sementara peruntukan untuk Perbelanjaan Kemajuan untuk tahun ini sebanyak \$20,709,000.00 yang menjadikan jumlah keseluruhan Anggaran Perbelanjaan yang disokong sebanyak \$256,934,580.00.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Insya-Allah, kementerian akan sedaya upaya mengoptimumkan Anggaran Peruntukan yang disokong itu bagi menjayakan program-program dalam 5 fungsi utama perkhidmatan Hal Ehwal Ugama iaitu:

1. Pengurusan dan pentadbiran yang meliputi pengurusan dasar dan pentadbiran; Pengurusan Haji; Pengurusan Aset; Penyelenggaraan Sistem Teknologi Maklumat; dan Pengurusan Hal Ehwal Ugama Daerah-Daerah yang diperuntukkan sebanyak \$19,928,830.00;
2. Penyebaran Dakwah dan syiar Islam yang meliputi sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam dan Pentakmirkan Masjid dan Penyebaran Dakwah diperuntukkan sebanyak \$24,875,325.00;

3. Perundangan Islam iaitu meliputi Majlis Ugama Islam, Perundangan Islam, Pendakwaan dan Penguatkuasaan diperuntukkan sebanyak \$6,109,990.00;
4. Fungsi Hal Ehwal Perkhidmatan Ugama ialah Keselamatan Sosial diperuntukkan sebanyak \$5,922,450.00 yang meliputi pemakanan dan barangan halal, khidmat nasihat keluarga, kutipan dan agihan zakat; dan
5. Fungsi Hal Pendidikan, Fungsi Pendidikan Islam memakan belanja hampir mencecah 2/3 ialah sebanyak \$179,388,985.00 juta daripada jumlah keseluruhan \$236 juta tadi Yang Berhormat Pengerusi. Jadi lebih hampir 76% daripadanya.

Sementara Anggaran Perbelanjaan Kemajuan pula, Tahun Kewangan ini peruntukan disokong bagi fungsi penyebaran dakwah dan syiar Islam ialah sebanyak \$400 ribu iaitu bagi memulakan pelaksanaan awal membina Masjid Baharu Rancangan Perumahan Kampung Meragang Daerah Brunei dan Muara, yang harga projeknya sebanyak \$5 juta.

Fungsi Pendidikan Islam bagi tahun ini diperuntukkan sebanyak \$20,309,000.00 iaitu sebahagian besarnya ialah \$17 juta adalah untuk menyiapkan bangunan baharu Sekolah Arab Ugama Rancangan Perumahan Kampung Rimba.

Dan sebanyak \$1.8 juta adalah untuk menyiapkan pembinaan Sekolah Ugama Jalan Bedil di Berakas, Daerah Brunei

dan Muara. Rancangan membina kedua-dua rancangan berkenaan telah lewat disiapkan dari tarikh yang ditetapkan. Selebihnya sebanyak \$119 ribu adalah untuk melaksanakan rancangan menaik taraf dewan serbaguna, dapur, asrama dan bilik guru Sekolah Menengah Arab Lelaki, Hassanal Bolkiah, yang menjadi Pusat Tingkatan Enam bagi sekolah Arab, dengan harga rancangan dianggarkan sebanyak \$2.5 juta.

Sementara Rancangan Pembinaan Gelanggang Beratap Serba Guna, Sekolah Ugama Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, diperuntukkan sebanyak \$190 ribu dan sebanyak \$1.2 juta adalah untuk Perbelanjaan Rampaian.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyambut baik adanya beberapa projek dalam fungsi utama Penyebaran Dakwah dan Syiar Islam iaitu Hal-Ehwal Ugama dengan memasukkannya ke dalam Anggaran Rancangan Belanjawan Kemajuan Negara iaitu RKN11, iaitu pembinaan enam buah masjid baharu dengan harga rancangan sejumlah \$30 juta. Salah sebuah ialah sebagaimana yang kaola sebutkan tadi membina Masjid Baharu di kawasan RPN Kampung Meragang yang diperuntukkan bagi Tahun Belanjawan ini sebanyak \$400 ribu bagi permulaannya.

5 buah lagi masjid yang dirancang dalam RKN11 dengan harga rancangan setiap sebuah sebanyak \$5 juta ialah masjid baharu RPN Rancangan

Perumahan Kampung Mengkubau, Brunei Muara, Masjid Baharu Rancangan Perumahan Kampung Lugu juga Brunei Muara, masjid baharu Rancangan Perumahan Kampung Rimba juga Brunei Muara dan Masjid Baharu di kawasan STKRJ Kampung Telisai, Daerah Tutong dan masjid baharu di Rancangan Perumahan Kampung Lumut, Daerah Belait.

Bangunan tambahan Sekolah Ugama Batu Marang dengan harga rancangan sebanyak \$2 juta. Pembinaan tambahan blok baharu bagi Sekolah Ugama Tanah Jambu dengan harga rancangan sebanyak \$2.5 juta. Kolej Universiti Perguruan Ugama, diperuntukkan sebanyak \$25 juta iaitu harga rancangan. Bagi pembinaan bangunan baharu Sekolah Ugama Kampung Kiulap ada diperuntukkan harga sebanyak \$3.8 juta dan pembinaan bangunan baharu Sekolah Ugama Kampung Bolkiah ada diperuntukkan dengan harga rancangan sebanyak \$3 juta.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seterusnya kaola sukacita mengongsikan perkembangan kemajuan sepanjang tahun 2017:

1. KUPUSB telah melaksanakan lebih 100 aktiviti kemahiran intelektual dan fizikal seperti seminar, bengkel dan nadwah dalam bidang pendidikan agama dan pentadbiran agama berbanding dengan tahun 2016 hanya sebanyak 73 aktiviti. Dalam hubungan dengan KUPUSB ini, menurut statistik demografi KUPUSB 2017 seramai 142 orang

graduan KUPUSB meningkatkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan melanjutkan ke universiti tempatan iaitu UNISSA, UBD seramai 31 orang, di luar negeri seramai 34 orang;

2. Sebanyak 130 daripada 167 buah sekolah-sekolah Arab dan sekolah-sekolah agama iaitu dalam jumlah keseluruhannya 77.84% telah mencapai tahap ketiga iaitu tahap baik berdasarkan *Brunei School Standard*;
3. Peningkatan jumlah Huffaz Al-Quran yang berkemahiran dalam bidang Qiraat melalui Program Diploma 'Aliyah Qiraat Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah meningkat daripada 25 orang kepada 49 orang;
4. Bilangan jemaah haji mulai tahun lepas telah meningkat kepada 1,000 orang daripada 400, 600 dan 800 orang tahun-tahun sebelumnya yang mengurangkan tempoh menunggu giliran bagi yang mendaftar setiap tahun kepada 2 hingga 3 tahun sahaja;

Seterusnya 3 buah masjid baharu telah disiapkan. Ini orang ramai pun telah maklum, dan digunakan pada tahun lepas iaitu Masjid Pengiran Anak Haji Mohamad Alam, Kampung Sengkarai, Daerah Tutong, pada 7 April 2017, Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis, Daerah Brunei Muara pada 19 Mei 2017 dan Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung

Mentiri (pembinaan semula pada 23 Jun 2017); dan

5. Dasar Pindaan Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2017 yang sebelum adalah secara *voluntary* tapi dasar pindaan pada 2017 itu Perintah Sijil Halal dan Label Halal itu mewajibkan permohonan untuk mendapatkan Sijil Halal atau Permit Halal bagi pemilik perniagaan yang berkaitan dengan makanan di Negara Brunei Darussalam berkuat kuasa pada 26 Mei 2017. Walau bagaimanapun, mengikut Bab 49B Pindaan Label Halal dan Sijil Halal Pindaan 2017 itu ada pengecualian diberikan kepada 2 jenis kategori perniagaan iaitu:

- i. Peniaga bukan Islam yang menyediakan atau mengedarkan makanan untuk Bukan Orang-Orang Islam sahaja (restoran terhad); dan
- ii. Peniaga yang tidak dapat memenuhi kehendak dan garis panduan untuk diberikan Pensijilan Halal iaitu bagi jenis perniagaan di bawah 3 subkategori sahaja iaitu:
 - a) Vendor makanan yang lazimnya *home-based*;
 - b) Gerai tetap; dan
 - c) Gerai jangka pendek.

Bagaimana pun sebelum pengecualian diberikan kepada

2 kategori dan 3 subkategori ini pengusaha - pengusahanya adalah dikehendaki membuat permohonan Sijil Halal atau Permit Halal terlebih dahulu di Bahagian Kawalan Makanan dan Permit Halal yang bertujuan memeriksa dan memastikan kehalalan bahan-bahan ramuan yang digunakan setakat bahan-bahan ramuan yang digunakan.

Setakat ini, bilangan Sijil Label Halal yang diberikan adalah seperti berikut:

- i. Sebanyak 1,572 Sijil Halal bagi restoran umum;
- ii. Sebanyak 6,607 Permit Halal bagi produk dalam negara;
- iii. Sebanyak 344 Permit Halal bagi produk luar negara;
- iv. Sebanyak 213 Sijil Halal bagi kilang dalam negara; 22 Sijil Halal bagi kilang luar negara; dan
- v. Restoran terhad telah diberikan pengecualian sebanyak 7 permohonan.

Harga Permit Halal mengikut kadar yang lama ini yang banyak diperkatakan ialah sebanyak \$50 mengikut kadar lama bagi setiap produk tanpa mengira jenis industri dan tidak ada tarikh luput. Harga Permit Halal telah disemak dan dikaji semula setelah mendapatkan

input daripada *stakeholders* yang berkenaan iaitu seperti berikut:

1. Industri Mikro. Perniagaan yang menggaji 1 hingga 4 orang pekerja. Contoh, pengusaha yang membuat produk dari rumah persendirian iaitu *home-based* atau perniagaan kecil-kecilan seperti ada nama syarikatnya yang disebutkan di sini, Syarikat Haji Mat Jali bin Lamit dan Anak-anak Produk Keropok Udang, Syarikat Rizqussalam - Produk Sambal. Harga Permit Halal ialah \$5 bagi setiap produk berbanding dengan \$50 sebelumnya;
2. Industri Kecil. Perniagaan yang menggaji 5 hingga 19 pekerja. Contohnya pengusaha yang mengeluarkan produk berskala kecil seperti Syarikat Marimin Sendirian Berhad, Asli KTM Sendirian Berhad. Harga Permit Halal bagi perindustrian kecil ialah sebanyak \$150 bagi setiap 20 produk, sekitar \$7 lebih satu produk;
3. Industri Sederhana. Perniagaan yang menggaji 20 hingga 99 pekerja. Contohnya pengusaha yang mengeluarkan produk yang berskala sederhana dan mampu menambah cawangan perniagaan seperti *Sabli Food Industries Brunei Sendirian Berhad*, *Smart Brunei Sendirian Berhad* yang harga Permit Halal bagi industri sederhana ini ialah sebanyak \$300 bagi setiap 20 produk;
4. Industri Makro. Perniagaan yang menggaji lebih daripada 100 orang

pekerja. Contohnya pengusaha yang mengeluarkan produk berskala besar seperti *BMC Food Industries Brunei Sendirian Berhad*. Harga Permit Halal bagi industry makro ini ialah \$700 bagi setiap 20 produk; dan

5. *Multinational*. Pengusaha yang mengeluarkan produk dan mempunyai cawangan di luar negara seperti *Ghanim International Corporation Sendirian Berhad*, *Sahatain Asia Sendirian Berhad*, *Western Food Packaging (WFP)*. Harga Permit Halal bagi kategori ini ialah sebanyak \$1000 bagi setiap 20 produk.

Kategori-kategori itu adalah menurut apa yang diaturkan oleh *JPKE*.

Bilangan pembayar-pembayar zakat fitrah dalam 3 tahun terakhir الْحَمْدُ لِلَّهِ terus meningkat. Tahun 2015 seramai 33,976 orang zakat fitrah diterima dengan jumlah kutipan sebanyak \$931,638.97. Tahun 2016 seramai 332,660 orang dengan jumlah kutipan sebanyak \$937,478.56 dan tahun 2017 yang lalu zakat fitrah sebanyak \$940,120.80 dengan keramaian pembayar seramai 350,069 orang.

Sementara zakat harta terus meningkat dalam tempoh 3 tahun, 2015, 2016 dan 2017 iaitu tahun 2015 sebanyak \$16.8 juta dengan bilangan pembayar zakat 5,014 orang. Tahun 2016 sebanyak \$17.41 juta dengan bilangan pembayar kurang tetapi kadarnya tinggi iaitu seramai 4,625 orang. Tahun 2017, meningkat kutipan daripada zakat harta ini sebanyak \$17,485,505.54 dengan

bilangan pembayar seramai 5,047 orang.

Satu perkara yang perlu disebutkan dalam konteks kutipan zakat ini ialah pengagihan kepada Asnafnya. Kaola sukacita mengongsikan sebahagian daripadanya iaitu sehingga akhir Disember 2017 seramai 2,794 orang kepala keluarga Asnaf Fakir Miskin dengan tanggungan seramai 5,505 orang telah tersenarai sebagai penerima agihan bulanan untuk tempoh 2 tahun dengan jumlah peruntukan sebanyak lebih \$20 juta iaitu \$20,030,196.11 iaitu peruntukan tersebut dimasukkan ke dalam akaun bank masing-masing. Mereka menerimanya setiap pertengahan bulan dengan jumlah yang ditentukan dan jumlah agihan tersebut termasuk Asnaf Al-Gharimin, Mu'alaf dan Asnaf yang lain.

الْحَمْدُ لِلَّهِ kaola sangat menghargakan pembayar-pembayar zakat-zakat khususnya zakat harta termasuklah institusi-institusi kewangan TAIB dan BIBD yang menguruskan zakat pelanggan-pelanggannya secara efisien dan setiap tahun diserahkan kepada Majlis Ugama Islam sebagai penyelenggara kutipan dan agihan zakat menurut undang-undang.

Seterusnya dalam konteks Asnaf Zakat terutama sekali dalam Asnaf Fakir Miskin ialah usaha meringankan mereka memberi peluang kemahiran di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam program *PROPAZ*, Program Pengupayaan Asnaf Zakat dan program-

program lain yang membantu mereka memulakan atau meneruskan usaha mencari mata pencarian sendiri dalam hal ini terdapat petanda-petanda yang positif apabila sebahagian daripada mereka atau keluarga mereka perlahan-lahan berdikari untuk seterusnya terkeluar daripada lingkaran kemiskinan atau daripada Asnaf Fakir Miskin itu.

Ada yang dari kecil mengusahakan produk makanan secara kecil-kecilan, menjual kemudian akhirnya meningkat sehingga menjadi sebagai pembekal (*caterer*). Kementerian telah menjadikannya sebagai contoh dan telah dihantar keluar negeri dalam satu seminar yang mengkehendaki untuk menunjukkan kejayaan Asnaf Fakir Miskin bagaimana di Brunei sebagai contoh.

Oleh yang demikian, Kementerian sangat berharap untuk meneruskan program *PROPAZ* ini dan berusaha dimasukkan ke dalam skim-skim atau program-program yang lain yang disediakan oleh pihak-pihak kerajaan dan juga pihak-pihak yang lain, termasuk, pada masa ini ada 2 orang remaja lelaki yang dari keluarga Asnaf Fakir Miskin sedang mengikuti latihan kemahiran di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (*JAKIM*) di Kuala Lumpur.

Program Keagamaan Belia. Ini penting disebutkan. Program ini mencatatkan lebih 2,000 orang menganggotai dalam Program Keagamaan Belia ini yang terdiri daripada 18 buah kumpulan belia dan seramai 57 orang mentor sebagai

sumber rujuk dan 14 orang *activist* yang telah ditentukan. Tujuan program ini Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli ialah untuk membimbing dan menggalakkan kegiatan agama belia pada masa ini, akhir-akhir ini, kegiatan belia menganjurkan sendiri sama ada diselaraskan oleh Pusat Da'wah Islamiah atau Jabatan Hal-Ehwal Masjid atau masjid-masjid.

Program mereka itu supaya diteruskan tetapi mereka dibimbing dan menggalakkan kegiatan keagamaan yang mereka buat itu dengan berbagai-bagai program supaya program itu dapat menyumbangkan kepada kemajuan dan peningkatan kefahaman beragama, sikap dan pembawaan keagamaan, ajaran dan amalan keagamaan yang bukan sahaja betul bahkan selaras dengan fahaman dan pegangan keagamaan kita di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola memohon menyelesaikan mukadimah ini sudah lebih 15 minit minta maaf. Untuk makluman Dewan ini dan orang ramai Tabung Dana Pembinaan Masjid yang dilancarkan lebih 2 tahun dahulu dan kini memasuki tahun ketiganya adalah mendapat sambutan baik. Setakat lebih sedikit dua tahun yang pertama yang berakhir 31 Disember 2017, kutipan yang terkumpul adalah sebanyak \$7,503,965.27.

Jadi untuk menggunakan dana yang terkumpul itu khasnya untuk menyampaikan niat dan hajat

penyumbang-penyumbang, Majlis Ugama Islam telah meluluskan pembinaan dua buah masjid yang telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Masjid-masjid berkenaan ialah Masjid Kampung Tanjung Bunut yang sedang dalam pembinaan dengan harga \$3.6 juta dan dijangka siap pada bulan Jun tahun ini. Sementara Masjid Bukit Panggal telah pun dibuka tawaran pembinaannya secara *open tender* dan insya-Allah akan dimulakan sedikit masa lagi.

Kementerian sedang meneliti cadangan, bahawa di peringkat penelitian cadangan untuk membina beberapa buah masjid dalam jangka 5 tahun dengan menggunakan hasil kutipan 5 tahun iaitu 60 bulan yang diunjurkan akan mengumpul sebanyak \$18 juta berdasarkan anggaran purata kutipan pada masa ini sebanyak \$300,000.00 sebulan iaitu dikira dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2023.

Cadangan itu akan dibawa ke dalam Meyuarat Majlis Ugama Islam dan orang ramai insya-Allah terutama sekali mereka yang menyumbang kepada tabung dana pembinaan masjid akan mengetahui butir-butir rancangan itu dari semasa ke semasa termasuk seramai 55,173 orang penjawat-penjawat awam dan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei yang membuat sumbangan bulanan sukarela secara tetap menerusi potongan gaji.

Jumlah kutipan wang bulan Disember 2017 sahaja dicatatkan berjumlah \$171,092.99.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Berhormat, kementerian sangat menghargai sambutan baik orang ramai. Mereka membuat sumbangan dengan niat dan fahaman bahawa mereka turut sama menanam saham akhirat dengan turut membina masjid melalui sumbangan kepada pembinaan masjid menerusi Skim Tabung Dana Pembinaan Masjid.

Oleh yang demikian, kementerian sangat memberi perhatian untuk menyampaikan niat penyumbang-penyumbang itu dengan rancangan-rancangan yang menepati hajat mereka insya-Allah.

Demikianlah Yang Berhormat Pengerusi, kaola sekali lagi mengucapkan terima kasih dan kaola yakin walaupun cadangan belanjawan ini akan menimbulkan banyak pertanyaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola yakin sebanyak manapun pertanyaan Ahli Yang Berhormat, mereka akan menyokong untuk diluluskannya terutama sekali Yang Berhormat Pengerusi ia berhubung dengan gaji yang kaola sebutkan tadi gaji dan elaun sahaja hampir lebih mencecah 75% daripada peruntukan ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Ugama kerana memberikan mukadimahnyanya ataupun pendahuluan yang begitu jelas dan terperinci mengenai hala tuju belanjawan kementeriannya bagi tahun ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah dahulu kita membincangkan dan membahaskan pada peringkat awal ini Jadual kementerian yang berkenaan. Saya tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini bagi membolehkan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk membolehkan kita berehat dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada petang ini nanti pada pukul 2.30 petang. Sekian *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)